

PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT PERTAMA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

ISNIN: 26 MEI 2008

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek jwp kem.08

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 8 HINGGA 70)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 7

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO: 08

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT , MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB (KUBANG KERIAN)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 26.05.2008

Y.B. **Tuan` Salahuddin Bin Haji Ayub (Kubang Kerian)** minta MENTERI KEWANGAN menyatakan sejauh manakah dan berapakah jumlah perbelanjaan yang digunakan dari pemotongan subsidi harga minyak sebanyak RM4.4 bilion yang dikatakan akan digunakan untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun dengan kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter dan kenaikan harga LPG sebanyak 30 sen sekilogram pada 28 Februari 2006, telah dimaklumkan bahawa Kerajaan akan menjimatkan subsidi sebanyak RM4.4 bilion berdasarkan harga minyak mentah dunia pada USD61 setong. Walau bagaimanapun, disebabkan harga minyak mentah yang terus meningkat pada beberapa bulan selepas itu sehingga

mencecah USD74 setong, maka penjimatan sebenar sehingga Disember 2006 telah berkurangan kepada RM1.4 bilion sahaja.

Penjimatan ini disalurkan secara berperingkat kepada Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) yang telah ditubuhkan pada 15 Mei 2006 khusus bagi tujuan antaranya seperti berikut:

i. perbelanjaan bagi menambah baik sistem integrasi pengangkutan awam;
ii. perbelanjaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam terutama dari aspek liputan dan kekerapan perkhidmatan; dan
iii. pembiayaan pinjaman bagi maksud meningkatkan sistem pengangkutan awam di Malaysia.

Sejumlah RM550 juta telah disalurkan setakat ini kepada Kumpulan Wang tersebut dan sebanyak RM498.77 juta (90.69)% telah dibelanjakan dan dikenal pasti untuk perbelanjaan berkaitan penambah baik perkhidmatan sistem pengangkutan awam. Baki penjimatan akan disalurkan kepada KWAPA pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas petrol, diesel dan gas memasak (LPG) dari tahun 2000 sehingga 2007 adalah sebanyak RM37.4 bilion. Jumlah ini tidak termasuk kehilangan hasil cukai sebanyak RM48.8 bilion. Bagi tahun 2006, jumlah subsidi bagi petrol, diesel dan LPG adalah RM7.3 bilion, bagi tahun 2007 pula adalah sebanyak RM8.7 bilion dan unjuran bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM18.31 bilion dengan mengambil kira harga purata minyak mentah pada paras USD105 se tong. Jumlah ini akan bertambah memandangkan harga minyak mentah dunia yang terus melonjak sehingga mencecah USD130 se tong pada masa ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin kepada kebajikan rakyat dan sentiasa memikirkan kaedah terbaik bagi menyalurkan bantuan terutama di dalam keadaan paras harga minyak mentah dunia yang kian meningkat. Walau bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa pemberian subsidi bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan. Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh YAB. Perdana Menteri sedang mengkaji mekanisme pemberian subsidi yang lebih efisien yang mampu menangani penyalahgunaan dan pada masa yang sama memastikan golongan yang berhak sahaja menikmati subsidi.

Soalan No. 9

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HENRY SUM AGONG (LAWAS)**

TARIKH : **26 MEI 2008**

SOALAN :

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah pelaksanaan Medan Infodesa yang dijanjikan di Kg. Long Tuan dalam daerah Lawas dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Y. Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah merancang untuk melaksanakan pembinaan sebuah bangunan Medan Infodesa di Kg. Long Tuan, Lawas, Sarawak pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, pembinaan Medan Infodesa tersebut tidak dapat dilaksanakan pada tahun berkenaan disebabkan masalah proses untuk mendapatkan kelulusan tapak/ tanah daripada Kerajaan Negeri Sarawak yang mengambil sedikit masa. Namun demikian, pada masa ini masalah tersebut telah hampir selesai dan dijangka projek dapat dimulakan sebelum akhir tahun ini.

Soalan No : 10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL)**

TARIKH : **26.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah arahan Kementerian supaya pihak sekolah mendapat kelulusan Jabatan Pendidikan dalam menjemput tetamu kehormat merupakan satu langkah berniat politik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengeluarkan beberapa pekeliling berkaitan dengan undangan kepada tetamu Kehormat ke majlis-majlis rasmi di sekolah. Surat pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh KPM berhubung perkara ini adalah Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/2008: *Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah Dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar* bertarikh 31 Mac 2008.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menetapkan bahawa semua majlis di sekolah seperti Hari Anugerah Kecemerlangan, Sukan Tahunan dan Mesyuarat Agung PIBG yang melibatkan majlis perasmian oleh orang-orang kenamaan atau individu-individu tertentu, hendaklah mendapat kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing terlebih dahulu.

No: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN TIONG THAI KING (LANANG)
TARIKH	:	26 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Tiong Thai King (Lanang) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

(a) Acara–acara sukan yang disertai oleh negara kita dalam Sukan Olimpik Beijing 2008; dan

(b) Bilangan atlet, jurulatih dan kakitangan yang mengambil bahagian dalam sukan ini dan anggaran kos yang terlibat dalam penghantaran kontinjen ke Sukan Olimpik Beijing 2008.

JAWAPAN

1. Temasya Sukan Olimpik XXIX, 2008 akan berlangsung di Beijing, China mulai 8 hingga 24 Ogos 2008 dan sehingga kini seramai 31 atlet negara kita yang melibatkan 9 jenis sukan iaitu sukan renang, terjun, olahraga, memanah, menembak, taekwondo, pelayaran, berbasikal dan badminton telah melayakkan diri secara merit dalam kategori A mahupun kategori B.

2. Bilangan sebenar jumlah kontinjen negara hanya akan diketahui sebaik sahaja semua proses kelayakan ke Sukan Olimpik Beijing 2008 berakhir pada bulan Jun nanti. Bilangan pegawai dan jurulatih yang akan bersama dalam kontinjen Malaysia nanti adalah bergantung kepada jumlah atlet yang layak bertanding di Sukan Olimpik Beijing nanti. Berdasarkan kepada kedudukan sekarang iaitu seramai 31 atlet yang telah pun berjaya melayakkan diri, maka kontinjen negara akan memperolehi 1 kuota Chef de Mission dan 14 kuota pegawai sokongan termasuk jurulatih yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai 46 orang.

3. Secara tradisinya negara-negara yang mengambil bahagian di Temasya Sukan Olimpik, akan dibiayai sepenuhnya tuan rumah untuk kos tambang kapal terbang, makan dan penginapan sepanjang tempoh temasya ini berlangsung. Ini adalah syarat yang ditetapkan oleh Majlis Olimpik Antarabangsa (International Olympic Committee) kepada tuan rumah yang menganjurkan sukan Olimpik. Namun begitu, dalam persiapan kontinjen negara ke arah Sukan Olimpik Beijing 2008, Majlis Sukan Negara memperuntukkan

sebanyak **RM9,369,971.00 juta** kepada 11 jenis sukan yang memberi tumpuan kepada **194 atlet** di bawah Program Latihan Atlet Elit yang dijangka mampu melayakkan diri ke Sukan Olimpik Beijing 2008. Atlet–atlet tersebut akan menyertai latihan dan pertandingan serta kejohanan kelayakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara dan Persatuan Sukan Kebangsaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

Pertanyaan	:	**LISAN**
Daripada	:	**YB TUAN CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)**
Tarikh	:	**26 MEI 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

YB. Tuan Che Uda Che Nik (Sik) minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan berkenaan pakaian artis di TV, adakah telah diberi satu panduan jelas kerana mutakhir ini amat mengelirukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua

Terima kasih diucapkan kepada **YB Sik** atas soalan yang dikemukakan. RTM mempunyai panduan jelas iaitu Kod Etika Siaran yang meliputi etika berpakaian serta penampilan artis, selebriti dan tetamu dalam rancangan dan siaran yang sentiasa dipatuhi dan dikuatkuasakan oleh semua. Kekeliruan pakaian mungkin berlaku di stesen TV lain yang bukan terletak di bawah kawal selia Kementerian Penerangan.

NO. SOALAN: 13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAPAN LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**

SOALAN

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persediaan negara dalam 50 tahun akan datang kerana Malaysia bakal disaingi oleh kuasa besar dan kuasa ekonomi baru dalam perdagangan, terutamanya dari negara China dan India, serta Vietnam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah rancangan pembangunan sekarang, usaha sedang giat dilaksanakan ke arah meningkatkan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi bagi melonjak pertumbuhan dan pembangunan negara dengan lebih pantas, memastikan negara sentiasa berdaya saing di peringkat antarabangsa, terutamanya dengan kuasa ekonomi baru terutamanya negara China, India dan Vietnam di samping kuasa besar dunia. Kerajaan berazam

untuk menjadikan Malaysia dalam kalangan negara kesepuluh terbaik di dunia dari segi daya saing di peringkat global. Sehubungan ini, antara landasan untuk melonjak pertumbuhan ekonomi termasuklah:

i. meningkat produktiviti dan daya saing negara;

ii. menjana sumber kekayaan baru dalam semua sektor ekonomi;

iii. mewujudkan peluang pekerjaan baru;

iv. menggalakkan sektor swasta sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi;

v. mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dan cemerlang dalam sektor awam dan swasta; dan

vi. mengembangkan pasaran bagi barangan dan perkhidmatan di pasaran tradisional dan bukan tradisional.

Di samping itu, usaha pembangunan modal insan pula terus diberi penekanan termasuklah :

i. menambahbaik sistem pendidikan yang komprehensif;

ii. mewujudkan universiti bertaraf antarabangsa serta memastikan siswazah yang dikeluarkan memenuhi kehendak pasaran;

iii. mengadakan lebih banyak tempat untuk pembangunan kemahiran, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat; dan

iv. menyediakan persekitaran dan sistem inovasi yang menggalakkan penyelidikan dan pembangunan berkualiti tinggi serta boleh dikomersilkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil daripada usaha yang dirancangkan, Kerajaan yakin ekonomi negara akan menjadi lebih pragmatik dan dinamik yang membolehkan ia sentiasa menyesuaikan diri dengan perubahan suasana dan keadaan. Dengan ini, ekonomi negara akan berada di landasan lebih mampu menghadapi era persaingan global yang lebih mencabar di masa hadapan, termasuk dalam masa lima puluh tahun yang akan datang.

NO: 14.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)**
TARIKH	:	**26.05.2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**14**

TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh mana keberkesanan 'Kempen Pengguna Bijak' di seluruh negara dan berapa jumlah aduan serta tindakan susulan yang diperoleh di kalangan pengguna terhadap kenaikan harga barangan sejak 2006.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang melaksanakan Kempen Pengguna Bijak bermula pada tahun 2006 sehingga tahun 2008. Berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima semasa melaksanakan *roadshow* pengguna bijak, adalah didapati bahawa masyarakat kini lebih memahami isu-isu kepenggunaan dan hak-hak pengguna.

Melalui kajian soal selidik yang telah diadakan di 16 lokasi seluruh negara iaitu melibatkan lapan (8) buah negeri (Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Melaka, Pahang.

W.P. Labuan, Sarawak dan Sabah) didapati 87.5 % daripada pengguna telah mula memahami dan sedar tentang hak-hak mereka sebagai pengguna iaitu berbanding 83 % pada tahun 2006. Kempen ini juga melihatkan peningkatan dari jumlah pengunjung pada tahun 2007 iaitu lebih kurang seramai 65,000 orang pengunjung dengan penglibatan semua kaum di Malaysia iaitu meliputi sebanyak 49.29 % Melayu, 27.67 % Cina, 5.60% India dan 17.35 % lain-lain bangsa berbanding pada tahun 2006 iaitu sebanyak 55,000 orang pengunjung dengan penglibatan 61% Melayu, 19% Cina, 8% India dan 12% lain-lain bangsa.

Berdasarkan statistik aduan pengguna yang telah diterima oleh Kementerian ini, sebanyak 6455 aduan telah difailkan pada tahun 2006 manakala pada tahun 2007, sebanyak 9070. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,222 aduan pada tahun 2006 dan manakala pada tahun 2007 pula sebanyak 3,212 aduan adalah berkaitan kenaikan harga dan penipuan harga. Berdasarkan maklumbalas dan jumlah penerimaan aduan tersebut, jelas menampakkan Kempen Pengguna Bijak telah mula menunjukkan keberkesanan dan impak yang positif. Program-program pendidikan pengguna akan diteruskan bagi memastikan pengguna lebih memahami hak-hak mereka.

NO. SOALAN: 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN ERIC ENCHIN MAJIMBUN (SEPANGGAR)**

TARIKH : **26 MEI 2008**

SOALAN:

Y.B. Tuan Eric Enchin Majimbun meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah **bancian terkini penduduk** di setiap negeri mengikut suku kaum dan **peratusan warga emas** yang menjangkau untuk 55 tahun ke atas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bancian penduduk terkini yang telah dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah pada tahun 2000 dan bancian yang seterusnya adalah akan diadakan pada tahun 2010. Pada bancian tersebut, jumlah bilangan penduduk adalah 23.5 juta dan 2.1 juta adalah penduduk yang dikategorikan sebagai warga emas (yang berumur 55 tahun dan ke atas) iaitu 9.0 peratus dari jumlah bilangan keseluruhan penduduk Malaysia. Penduduk warga emas mengikut kaum pada tahun tersebut menunjukkan kaum Cina mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 12.8.

Selain itu, penduduk warga emas mengikut negeri pula menunjukkan Perak mencatatkan peratusan penduduk warga emas tertinggi iaitu 12.8 peratus pada tahun 2000 (sila rujuk lampiran 1).

SOALAN NO: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN)**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**910**

SOALAN :

Y.B. Tuan Masir Anak Kujat (Sri Aman) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mempercepatkan pengeluaran Sijil Beranak/Kad Pengenalan di kawasan luar bandar terutamanya di Sri Aman.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Sri Aman yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pengeluaran Sijil Kelahiran dapat dipercepatkan sekiranya setiap kelahiran dapat didaftarkan dengan mengemukakan permohonan pendaftaran kelahiran dalam tempoh sebelum 42 hari dari sesuatu kelahiran. Sijil kelahiran akan dikeluarkan pada hari pendaftaran itu dibuat. Manakala untuk mempercepatkan proses pengeluaran kad pengenalan, kanak-kanak hendaklah mempunyai sijil kelahiran dan permohonan dibuat ketika kanak-kanak mencapai umur 12 tahun. Bagi permohonan yang tidak bermasalah kad pengenalan akan dikeluarkan dalam tempoh satu bulan.

Masalah kelewatan pengeluaran sijil kelahiran dan kad pengenalan sering berlaku bagi orang yang menetap di kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah. Ini adalah disebabkan oleh kawasan tersebut terletak jauh dengan Pejabat Pendaftaran Negara dan sistem perhubungan serta pengangkutan yang tidak memuaskan. Setakat ini, bagi

membantu penduduk tersebut, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengadakan operasi bergerak melalui Unit Khas Bergerak yang memang diujudkan di JPN Negeri Sarawak. Unit ini akan menjalankan operasi di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk pedalaman yang tiada mempunyai dokumen mengikut maklumat yang diberikan oleh Ketua Masyarakat, Pegawai Daerah, agensi-agensi kerajaan negeri yang lain serta Wakil Rakyat.

SOALAN NO: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**909**

SOALAN:

Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a sejauh mana pelaksanaan Kerajaan mengenai cadangan laporan-laporan SUHAKAM (Oktober 2001, April 2002, Mac 2007) mengenai hak rakyat dalam menganjur dan menyertai perhimpunan aman; dan

(b) adakah tindakan disiplin dalaman akan diambil terhadap anggota PDRM yang menggunakan tindakan kekerasan dan menyalahgunakan kuasa terhadap orang awam sewaktu perhimpunan aman.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, hak rakyat untuk menganjurkan perhimpunan awam adalah tertakluk kepada Seksyen 27 Akta Polis 1967, dimana menyatakan bahawa sesuatu perhimpunan khususnya di tempat-tempat awam perlu mendapatkan permit terlebih dahulu. Lazimnya, aspek keselamatan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada antaranya tempat; tujuan; permasalahan trafik; kesesuaian tarikh dan masa sebelum ianya diluluskan. Permohonan permit mestilah melalui pertubuhan atau persatuan yang berdaftar berdasarkan kepada peruntukan undang-undang. Selain daripada itu, pihak Kementerian dan PDRM juga sedang dalam usaha untuk meminda Seksyen 27 Akta Polis tersebut berkenaan dengan perhimpunan awam.

Tuan Yang Dipertua,

Tindakan disiplin dalaman akan diambil terhadap semua peringkat pegawai dan anggota Polis jika menggunakan tindakan kekerasan dan menyalahgunakan kuasa terhadap orang awam sewaktu perhimpunan aman. Ia bukan sahaja terhad kepada perhimpunan aman tetapi dalam apa jua situasi penugasan. Walau bagaimanapun, sebelum sesuatu tindakan disiplin itu dikenakan kepada anggota yang berkenaan, satu siasatan melalui Kertas Siasatan Tatatertib akan dibuat. Setelah mendapat butir-butir yang cukup khususnya

terdapat bukti-bukti anggota tersebut melakukan kekerasan yang tidak sepatutnya, maka tindakan disiplin akan diambil. Lazimnya, tindakan disiplin akan berlandaskan kepada peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (PPA).

SOALAN NO: 18

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN - PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)**
TARIKH	:	**26 MEI 2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**TUAN KHAIRY JAMALUDDIN** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Adakah Kerajaan mempunyai senarai penternak babi di Malaysia yang menunjukkan saiz industri ini agar sebarang dasar mengenainya dapat diputuskan dengan tepat lagi.

JAWAPAN : **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sememangnya mempunyai senarai penternak babi di Malaysia yang menunjukkan saiz industri ini. Sehingga 2007,

sebanyak 642 projek penternakan babi yang didaftarkan di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar direkodkan diseluruh Malaysia.

Pecahan projek mengikut negeri adalah:

Negeri	Bilangan Projek
Pulau Pinang	214
Perak	159
Selangor	142
Melaka	64
Johor	55
Kedah	4
Pahang	2
Negeri Sembilan	1
Perlis	1
JUMLAH	**642**

Berdasarkan kepada senarai penternak inilah, maka Kerajaan telah merangka pembangunan ternakan babi secara *modern pig farming* (MPF) dengan kaedah penternakan kandang tertutup dan sistem pengolahan sisa zero dizcharge.

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH : 26 MEI 2008 [ISNIN]

SOALAN:

Puan Chua Soon Bui [Tawau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pertimbangan-pertimbangan yang dibuat oleh pihaknya supaya dapat menghidupkan kembali Kementerian Hal Ehwal Khas untuk Sabah dan Sarawak, pada hal Kementerian itu telah ditubuhkan seperti mana dipersetujui apabila Sabah menyertai Malaysia pada 1963.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERANA MENTERI

Tuan Yang DIPertua,

Sepertimana yang YB Tawau sedia maklum, penyertaan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 telah dibuat berdasarkan Perjanjian Dua Puluh Perkara (The Twenty Points). Ia telah dipersetujui oleh kedua-dua buah negeri dalam Jawatankuasa Antara Kerajaan, JAK, (atau Jawatankuasa Lord Landsdowne) yang ditubuhkan pada bulan Ogos 1962. Penubuhan Kementerian Hal Ehwal Khas untuk Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam Perjanjian Dua Puluh Perkara tersebut.

Walaupun demikian, sejak sekian lama, Kerajaan terus mengambil langkah-langkah bagi memajukan kesemua negeri di dalam Persekutuan, lebih-lebih lagi Sabah dan Sarawak. Untuk mengatasi kekurangan dalam usaha pembangunan di negeri Sabah, Kerajaan, melalui Rancangan Malaysia ke-Sembilan, telah memperuntukkan sejumlah RM15.7 bilion (iaitu 7.8 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan) untuk negeri Sabah. Jumlah ini merupakan yang kedua terbesar bagi mana-mana negeri, iaitu setimpal dengan keperluan pembangunan yang cukup besar di negeri Sabah, khususnya di kawasan pedalaman.

Kerajaan juga telah melancarkan Koridor Pembangunan Sabah pada awal tahun ini, yang akan melibatkan pelaburan sejumlah RM105 bilion sehingga tahun 2025. Untuk memacu pembangunan Koridor ini, dana secukupnya akan diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menyuntik pelaburan awal bagi membangunkan Koridor Sabah. Kerajaan percaya bahawa pembangunan Koridor akan membawa manfaat yang berganda kepada negeri Sabah. Harapan kita adalah semua pihak akan dapat bekerjasama untuk sama-sama membangunkan negeri Sabah.

Oleh kerana yang demikian, Kerajaan pada masa ini tidak merasakan terdapat keperluan spesifik untuk menubuhkan sebuah Kementerian khusus untuk mana-mana negeri, termasuk bagi Sabah mahupun bagi Sarawak.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK]

TARIKH : 26 MEI 2008

SOALAN:

TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah nilai peratus dan nilai pemilikan dalam ringgit Malaysia pencapaian Bumiputera dalam sektor ekonomi negara dalam rangka DEB sehingga 31.12.2007.

JAWAPAN:

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, walau pun matlamat untuk mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus ekuiti Bumiputera masih lagi belum tercapai, tetapi usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan menerusi dasar-dasar pengagihan seperti dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara serta Misi Nasional (Teras 3) telah berjaya meningkatkan ekuiti Bumiputera kepada 18.9 peratus pada tahun 2004 berbanding dengan hanya 2.4 peratus pada tahun 1970.

Berikut adalah statistik pencapaian kaum Bumiputera daripada bermulanya DEB sehingga tahun 2004:

Tahun 1970	-	2.4%
Tahun 1975	-	9.2%
Tahun 1980	-	12.5%
Tahun 1985	-	18.5%
Tahun 1990	-	19.2%
Tahun 1995	-	20.6%
Tahun 2000	-	18.9%
Tahun 2004	-	18.9%

SOALAN NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 26 MEI 2008

RUJUKAN : 911

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) berapa banyakkah kes-kes jenayah yang masih tidak dapat diselesaikan oleh pihak Polis Diraja Malaysia selain kes penculikan Sharlinie dan kes pembunuhan Nurin; dan

(b) mengapakah terdapat begitu banyak kes-kes jenayah yang tidak dapat diselesaikan. Apakah punca utama berlakunya kes yang tidak dapat diselesaikan ini.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bintulu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kes-kes jenayah yang masih tidak dapat diselesaikan oleh PDRM bagi tahun 2007 ialah sebanyak 127,289 kes manakala bagi tahun 2008 sehingga bulan Mac, sebanyak 33,606 kes masih tidak diselesaikan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat banyak sebab mengapa kes-kes jenayah tersebut tidak dapat diselesaikan iaitu ketiadaan saksi-saksi serta maklumat yang boleh menjurus kepada pengesanan saspek-saspek terbabit; kegagalan mangsa membuat pengecaman ke atas saspek; kegagalan memperolehi kesan cap jari atau kesan cap jari yang diperolehi kurang sempurna untuk dibuat perbandingan; dan kurangnya kerjasama atau maklumat daripada orang awam.

SOALAN NO. (22)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y. B. DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM (SERIAN)
TARIKH	:	26 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DATUK RICHARD RIOT AK. JAEM (SERIAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementeriannya untuk mengatasi masalah kekurangan jentera dan alat-alat pemadam api di balai-balai bomba termasuk di Balai Bomba dan Penyelamat Serian.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Penempatan jentera bomba telah ditetapkan mengikut kategori balai seperti berikut:

BIL	KATOGERI BALAI	JUMLAH JENTERA BOMBA	JUMLAH BALAI DI MALAYSIA	JUMLAH BALAI DI SARAWAK
1.	Balai "A"	Melebihi dua buah	37 buah	6 buah
2.	Balai "B"	Dua Buah	79 buah	6 buah
3.	Balai "C"	Satu Buah	133 buah	14 buah

Setiap Rancangan Lima tahun Malaysia Jabatan Bomba dan Penyelamat telah membeli jentera bomba bagi tujuan penggantian jentera-jentera bomba lama dan penempatan baru untuk Balai-balai Bomba dan Penyelamat yang baru dibina.

Jentera-jentera bomba baru yang dibekalkan telah dilengkapi dengan peralatan-peralatan yang mencukupi untuk digunapakai dalam operasi memadam kebakaran dan menyelamat.

Perancangan pembelian Jentera bomba dalam RMK 9 adalah sebanyak 309 buah. Sebanyak 130 buah telah pun diterima dan diagihkan kepada negeri-negeri. Baki sebanyak 179 buah lagi dalam proses pembinaan dan akan diagihkan ke negeri apabila diterima .

Balai Bomba dan Penyelamat, Serian, Sarawak ialah Balai Ketogeri "C" yang telah dilengkapi dengan sebuah jentera bomba Model Ford (RFRT) 800 liter (150 gln) serta kenderaan utiliti sebuah van Isuzu, sebuah van Produa Rusa dan sebuah Kembara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap balai-balai bomba telah dibekalkan sebanyak 2 unit alat pemadam api untuk kegunaan di balai tersebut apabila berlaku sebarang kebakaran kecil .
Urusan penggantian dan penyelenggaraan dilaksanakan di peringkat negeri dengan menggunakan bajet mengurus tahunan sedia ada.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Mei 2008

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)**

TARIKH : **26.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZIL BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI) minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah pemantauan dan kajian telah dilakukan tentang keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sememangnya amat bergantung kepada dapatan kajian dan penyelidikan. Antaranya adalah untuk menilai tahap pelaksanaan, keberkesanan serta untuk terus memantapkan pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah.

Pada masa ini beberapa bentuk kajian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI dijalankan sejak dasar ini mula dilaksanakan pada 2003. Di samping inisiatif ini, KPM juga membuka ruang dan menggalakkan pelbagai pihak termasuk penyelidik di Pusat Pengajian Tinggi Awam menjalankan kajian dan penyelidikan. Dapatan yang diperolehi daripada kajian-kajian tersebut dapat dijadikan rujukan dan berfaedah kepada semua pihak khususnya dalam menentukan dasar pelaksanaan PPSMI dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Senarai kajian-kajian dan pemantauan tersebut adalah seperti berikut:

i. Kajian Pelaksanaan PPSMI
ii. Kajian Tahap Pencapaian Murid
iii. Kajian Kes Penggunaan Bahasa Inggeris dan penggunaan ICT
iv. Meta Analisis Kajian PPSMI
v. Pemantauan Kolaboratif PPSMI
vi. Pemantauan Berkelompok PPSMI
vii. Analisis Ujian Diagnostik
viii. Penilaian Tahap Profisiensi Bahasa Inggeris Guru

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga telah membuat keputusan untuk melaksanakan penilaian pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) secara menyeluruh yang melibatkan semua sekolah dan guru PPSMI di seluruh negara. Penilaian ini dibuat sebanyak dua kali setahun untuk melihat tahap pelaksanaan, pencapaian dan kemajuan secara berkala. Pada masa ini penilaian PPSMI 2008 Fasa 1 sedang dilaksanakan dan dapatan penilaian tersebut akan diperolehi pada bulan Jun 2008.

Penilaian PPSMI 2008 Fasa 2 akan dijalankan bermula Julai dan dapatan penilaian Fasa 2 akan diperolehi pada bulan November 2008. Penilaian ini, serta gabungan dapatan daripada beberapa kajian lain, akan dapat memberi gambaran tentang tahap pelaksanaan, pencapaian murid, serta kesediaan dan kemajuan guru PPSMI di setiap sekolah.

KPM juga akan membuat penilaian dan pemantauan terhadap pelaksanaan PPSMI secara menyeluruh khususnya bagi kohort Tahun 6 yang mengambil UPSR tahun ini (2008) kerana kohort ini telah mengikuti PPSMI selama 6 tahun iaitu mulai dari Tahun 1 (2003). Dapatan penilaian ini akan digunakan untuk KPM membuat keputusan berkaitan pelaksanaan PPSMI sama ada diteruskan atau membuat penambahbaikan demi untuk memantapkan lagi dasar ini.

Soalan No: 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

DARIPADA: TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 26.05.2008 SOALAN NO: 24

Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan perincian mengenai Kumpulan Wang Amanah Negara sejak ia ditubuhkan dan membuat taksiran sama ada dana tersebut telah mencapai matlamatnya.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah ditubuhkan pada 18 Februari 1988 di bawah Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 (Akta 339) dengan tujuan memastikan sumber-sumber asli negara yang semakin berkurangan digunakan secara optimum bagi faedah generasi akan datang dan memberikan pendapatan yang berterusan dan stabil kepada Kerajaan dan negara. Penubuhan KWAN ini merupakan salah satu langkah berpandangan jauh dan

sikap berhemah Kerajaan dalam menguruskan sumber pendapatan negara.

Akta 339 menetapkan supaya pengurusan dan pentadbiran harian hal ehwal KWAN dipertanggungjawabkan ke atas Bank Negara Malaysia. Sejak penubuhannya sehingga kini, KWAN telah menerima caruman daripada PETRONAS. Daripada caruman ini, dana KWAN telah dilaburkan di pasaran tempatan dalam bentuk simpanan tetap dengan institusi kewangan Malaysia, sekuriti kerajaan dan syarikat-syarikat tempatan. Selain itu, dana KWAN juga dilabur di luar negara dalam bentuk sekuriti-sekuriti jangka panjang negara G5 dan simpanan tetap dengan institusi perbankan.

Dari segi penggunaan pula, Akta 339 hanya membenarkan pengeluaran bagi tujuan tanggungan projek pembangunan atau pemberian pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Dengan ini, sekiranya Kerajaan Persekutuan mendapati jumlah peruntukan tahunan yang diperlukan tidak mencukupi untuk menampung kos pelaksanaan projek-projek pembangunan di masa hadapan, KWAN boleh digunakan untuk memastikan projek-projek pembangunan tersebut dapat diteruskan.

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah baki tabungan KWAN seperti yang telah diaudit dan dibentangkan di Parlimen sehingga 31 Disember 2006 adalah sebanyak RM3,785 juta. Jumlah ini telah mengambil kira caruman daripada PETRONAS serta pulangan pelaburan KWAN. Oleh yang demikian, berdasarkan pencapaian setakat ini, KWAN telah berjaya memberi sumber pendapatan yang berterusan dan stabil kepada Kerajaan dan negara.

SOALAN NO : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]
TARIKH : 26 MEI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kadar inflasi sebenar kerana kadar inflasi tidak mencerminkan keadaan sebenar. Nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menambah pendapatan rakyat demi mengurangkan beban kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar inflasi diukur menggunakan Indeks Harga Pengguna (IHP). Metodologi pengiraan adalah berdasarkan manual oleh *International Labour Organisation* yang digunapakai oleh agensi statistik terkemuka antarabangsa. Oleh itu, kaedah pengiraan IHP tidak wajar dipertikaikan.

Wujud persepsi bahawa kadar inflasi yang tidak mencerminkan keadaan sebenar dan kononnya kadar inflasi sebenar adalah lebih tinggi. Persepsi ini mungkin timbul kerana orang ramai membandingkan harga semasa dengan harga bagi beberapa tahun

yang lepas, sedangkan kadar inflasi adalah berasaskan perbandingan dalam tempoh satu tahun. Umpamanya, kadar inflasi sebanyak 2.7% bagi tempoh Januari-April 2008 berbanding dengan Januari-April 2007. Jika dibandingkan untuk jangka masa yang lebih lama, inflasi meningkat 9.3% berbanding dengan Januari-April 2005 dan 13.1% berbanding dengan Januari-April 2003.

Peningkatan inflasi bagi tempoh Januari-April 2008 adalah terutamanya disumbangkan oleh indeks minuman alkohol dan tembakau sebanyak 9.0%, diikuti oleh indeks restoran dan hotel sebanyak 7.1%, makanan dan minuman bukan alkohol sebanyak 4.7%, perkhidmatan rekreasi dan budaya sebanyak 2.6% serta pendidikan sebanyak 2.0%.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan isi rumah di negara ini meningkat 1.5 kali daripada RM2,472 pada tahun 1999 kepada RM3,617 pada tahun 2007. Pelbagai langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat, termasuk:

i. Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang menyediakan pelbagai kemudahan disediakan bagi meningkatkan pendapatan rakyat, antaranya:

a. Program meningkatkan pendapatan dengan penyediaan bantuan kewangan dan khidmat nasihat pengurusan;

b. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya;

c. Program Pembangunan Minda Insan; dan

d. Program ASB-Sejahtera

ii. Menyediakan ruang niaga dan premis perniagaan;

iii. Melaksanakan Program Penstabilan Harga Komoditi Getah;

iv. Menggalakkan rakyat mencebur diri dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi; dan

v. Memperluaskan lagi program pasar tani.

Kesimpulannya, walaupun kadar inflasi negara masih rendah, Kerajaan peka terhadap kenaikan harga barangan keperluan, khususnya harga bahan makanan. Oleh itu, Kerajaan sentiasa membuat pemantauan rapi serta mengambil langkah-langkah membendung inflasi dan berusaha ke arah meningkatkan pendapatan rakyat yang lebih tinggi supaya kebajikan rakyat terus terjamin.

Soalan No. 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE DUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG)**

TARIKH : **26 MEI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk memperuntukkan dana bagi operasi dan penyenggaraan sistem-sistem alternatif bekalan air dan elektrik luar bandar di negeri Sarawak memandangkan terdapat sistem-sistem tersebut belum lagi mempunyai dana untuk tujuan operasi dan penyelenggaraan.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan dana bagi kos operasi dan penyenggaraan sistem bekalan air dan elektrik alternatif di negeri Sarawak.

Bagi bekalan air, Kementerian berpandangan bahawa kos operasi dan penyenggaraan sistem tersebut perlulah dibiayai oleh Pihak Berkuasa Air Negeri menggunakan peruntukan mereka.

Bagi bekalan elektrik pula, Kementerian sememangnya membiayai kos operasi dan penyenggaraan set generator barsaiz sederhana yang di pasang di negeri Sarawak menggunakan peruntukan pembangunan yang disediakan setiap tahun.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN (PASIR PUTEH)
TARIKH	:	26 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Muhammad bin Husain (Pasir Puteh) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang silibus program-program bina insan belia yang di lihat gagal membentuk generasi muda sekarang. Adakah terdapat satu penggubalan silibus program yang proaktif untuk memajukan modal insan.

JAWAPAN

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah melaksanakan pelbagai program bina insan belia yang merupakan urusan teras kementerian ini. Sebagai contoh, Program Kepimpinan Belia pelbagai peringkat (asas, pertengahan dan tertinggi), Program Khidmat Sosial Negara (PKSN), Program Jatidiri Kesukarelaan Nasional (PJKN), Program Kepimpinan Wanita dan sebagainya. Dengan terlaksananya pelbagai program bina insan ini, telah melibatkan ramai para belia selain membentuk dan mendidik mereka ke arah pembentukan generasi kepimpinan Negara pada masa akan datang.

2. Pada tahun 1998 hingga 2001 sebagai contoh, KBS memulakan program-program ini telah melibatkan ribuan peserta pada setiap tahun dan mulai tahun 2002 hingga 2003 KBS telah meningkatkan penyertaan kepada 20,000 peserta setiap tahun dengan jangka masa latihan selama 15 hari bagi Program Khidmat Sosial Negara sahaja.
3. Program PKSN ini merupakan satu bentuk "Khidmat Nasional" yang dirangka khas yang menekankan aspek-aspek pembangunan diri dari segi mental, fizikal, semangat patriotisme serta dapat memupuk nilai-nilai murni, berbudi bahasa, membentuk perilaku yang baik dan meningkatkan semangat kesukarelaan yang tinggi di kalangan peserta.
4. Sehubungan dengan itu, pelbagai modul latihan telah dihasilkan dengan aktifnya selaras dengan keperluan dan permintaan daripada pelbagai pihak yang mempunyai hala tuju yang sama iaitu pembangunan dan pendidikan generasi muda yang merupakan aset utama pembangunan dan kesejahteraan negara.
5. Pelbagai modul latihan telah dibangunkan antaranya :-

    i. Modul Kecemerlangan Jati Diri Pembangunan Sahsiah
    ii. Modul Patriotisme dan Pendidikan Kewarganegaraan
    iii. Modul Pembangunan Kepimpinan
    iv. Modul Teras Khidmat Komuniti dan Keprihatinan
    v. Modul Pemantapan Semangat dan Bimbingan Kerjaya

6. Modul–Modul program telah diolah reka dengan begitu rapi yang dapat meransangkan minat serta sesuai dengan cita rasa remaja ke arah teras pembangunan belia masa kini "BELIA MALAYSIA" yang berdisiplin, bersatu padu, bersikap positif, bersemangat waja, berkeyakinan diri, setia kepada negara demi untuk mengujudkan

satu bangsa Malaysia yang senada, sehati, sejiwa bagi mendukung pembangunan dan wawasan negara.

7. Sebagai contoh, Modul PJKN yang intensif ini dilaksanakan selama 10 hari di mana 3 hari dikhususkan kepada input-input teori dan latih amal di dalam kuliah bagi membangunkan nilai-nilai jati diri, kepimpinan, kesukarelaan, patriotisme dan 6 hari dikhususkan kepada aktiviti kemasyarakatan. Modul ini juga di laksana melibatkan juga penglibatan NGO dan swasta. Pada hari terakhir peserta akan mengikuti program pemantapan semangat dan koreksi diri bertujuan untuk membekalkan mereka dengan kemahiran hidup bermasyarakat yang berharmoni dan berkesan. Para peserta akan dapat menunjukkan perubahan perlakuan (behaviour change) yang sama seperti para peserta-peserta PJKN yang terdahulu.

8. Modul-modul program yang telah dibentuk dan dipraktikkan ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan pembinaan nilai dan sikap positif, pengetahuan,kemahiran serta semangat kesukarelaan yang tinggi selaras dengan hasrat kepimpinan tertinggi negara untuk melahirkan belia yang Dinamik, Prihatin dan Mahir serta bertetapan dengan slogan negara " Cemerlang. Gemilang dan Terbilang ". Oleh hal yang demikian program ini juga akan menjadi pelengkap kepada lompang masa yang ada semasa cuti sekolah.

Soalan No: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA : TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM (BUKIT GANTANG)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.05.2008 SOALAN NO: 28

YB Tuan Roslan Bin Shaharum (Bukit Gantang) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah unit rumah pangsapuri kos rendah yang telah dibina oleh Syarikat Perumahan Negara dalam tempoh 2004 - 2008 dan berikan pecahannya mengikut negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah pangsapuri kos rendah di bawah program Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) adalah merupakan rumah-rumah kediaman yang dibina secara bertingkat, berkonsepkan mesra keluarga dan selesa.

Di bawah skim Rumah Mampu Milik ini, di Semenanjung, harga seunit rumah pangsapuri kos rendah 700 kaki persegi berspesifikasi tiga bilik tidur dan dua bilik air

adalah bermula daripada RM35,000 hingga RM42,000, manakala harga di Sabah dan Sarawak bermula daripada RM42,000 hingga RM50,000.

Pembinaan rumah pangsapuri kos rendah ini dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh SPNB. Kontraktor-kontraktor yang dilantik adalah berstatus Bumiputera, berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Kewangan dan Lembaga Perumahan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta mematuhi semua peraturan dan prosedur perolehan Kerajaan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

Sejak tahun 2004 sehingga 13 Mei 2008, jumlah rumah pangsapuri kos rendah yang telah dibina oleh SPNB adalah sebanyak 2,472 unit terletak di negeri Selangor. Manakala 140 unit rumah pangsapuri kos rendah sedang dibina di negeri Sabah.

Dengan penglibatan SPNB dalam projek pembinaan rumah pangsapuri kos rendah ini, ia telah membantu usaha Kerajaan menyediakan kemudahan perumahan mampu milik kepada golongan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

N0:29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' ISMAIL BIN ABD. MUTALIB**
TARIKH	:	**26 MEI 2008 (ISNIN)**
NO. PERTANYAAN	:	**N0. 29**

Dato' Ismail bin Abd. Mutalib [Maran] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan apakah Kerajaan akan meneruskan pembinaan kolej komuniti di semua kawasan Parlimen yang pernah dijanjikan oleh Kerajaan. Bilakah kolej komuniti bagi Kawasan Parlimen Maran akan dibina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan Kolej Komuniti adalah bergantung kepada keperluan dan tidak semestinya di setiap kawasan Parlimen. Pada masa ini, terdapat lima (5) buah kolej komuniti yang beroperasi di negeri Pahang iaitu Kolej Komuniti Kuantan, Kolej Komuniti Paya Besar, Kolej Komuniti Rompin, Kolej Komuniti Mentakab dan Kolej Komuniti Bentong. Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), dua (2) buah Kolej Komuniti lagi akan dibina di Pahang iaitu Kolej Komuniti Jerantut dan Kolej Komuniti Pekan serta tiga (3) buah kolej komuniti cawangan

iaitu Kolej Komuniti Cawangan Raub, Kolej Komuniti Cawangan Lipis dan Kolej Komuniti Cawangan Bera.

Pada masa ini, Kerajaan masih belum bercadang untuk menubuhkan Kolej Komuniti di kawasan Parlimen Maran.

SOALAN NO: 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MAHFUZ BIN OMAR [POKOK SENA]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**912**

SOALAN:

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status penahanan BSA Tahir di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Jawapan :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena yang mengemukakan soalan. Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini BSA Tahir masih menjalani Perintah Tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping, Perak.

SOALAN NO: 31

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP)**

TARIKH : **ISNIN, 26 MEI 2008**

RUJUKAN : **013**

SOALAN :

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan menyenaraikan kelab malam berlesen yang terdapat di seluruh Kuala Lumpur pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap, sehingga April 2008 terdapat sebanyak **516 buah** kelab malam yang beroperasi di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pecahannya adalah seperti berikut :

Live Band	:	240 buah
Karaoke	:	255 buah
Tari menari	:	21 buah
Jumlah	:	516 buah

SOALAN NO: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK HAJI MOHAMED BIN HAJI AZIZ [SRI GADING]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**913**

SOALAN:

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca kepada berlakunya kes penculikan kanak-kanak yang semakin membimbangkan sekarang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sri Gading yang mengemukakan pertanyaan.

Di antara punca yang dipercayai menyebabkan berlakunya kes penculikan kanak-kanak adalah seperti yang berikut:-

1. Sikap ibu bapa terutamanya di kawasan bandar yang kurang peka dan tidak menghiraukan keadaan keselamatan anak-anak mereka. Ibu bapa juga tidak ambil tahu mengenai pergerakan anak-anak yang sering keluar dari rumah.
2. Sikap dan amalan kejiranan yang semakin luput terutamanya di kawasan bandar di mana ahli keluarga hanya mengambil berat mengenai keluarga masing-masing. Hubungan yang renggang antara jiran memburukkan lagi masalah penculikan ini.
3. Kerjasama yang kurang daripada masyarakat setempat sehinggakan ada sebilangan anggota masyarakat yang

menganggap bahawa kejadian penculikan ini sebagai gurauan dan cuba mengambil kesempatan untuk mendapatkan keuntungan.

4. Kesibukan bekerja serta leka dalam mencari pendapatan boleh membuatkan ibu bapa kurang memberikan tumpuan dan masa untuk berkomunikasi atau mendengar masalah yang diluahkan oleh anak-anak. Akibatnya anak-anak mencari tempat lain untuk meluahkan perasaan. Anak-anak juga lebih gemar keluar untuk bergaul dengan rakan sebaya daripada berada di rumah. Ini meningkatkan risiko berlakunya penculikan.

5. Anak-anak yang masih muda dan kurang pengalaman lebih mudah terpengaruh dengan pujukan, rayuan dan godaan daripada orang yang tidak dikenali. Orang-orang yang hendak menculik biasanya menggunakan umpan sesuatu yang disukai oleh anak-anak seperti makanan ringan, barang-barang mainan dan sebagainya.

SOALAN NO: 33

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008 [ISNIN]**
SOALAN	:	**Oleh TUAN NGEH KOO HAM [BERUAS]** minta **Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani** menyatakan:- Kenapa harga baja naik begitu mendadak dalam tempoh 1 tahun ini.
JAWAPAN	:	**Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga baja berkait rapat dengan kenaikan harga pasaran minyak dunia kerana baja kimia adalah produk sampingan daripada petroleum dan ia juga bergantung kepada market forces.

Kenaikan harga baja memberi impak kepada kos pengeluaran pertanian dimana sejak tahun 2003-2007, kenaikan kos baja telah meningkat

sehingga 85.5% yang menyebabkan kenaikan kos pengeluaran bagi sayur-sayuran meningkat sebanyak 34% dan buah-buahan sebanyak 29.3% pada tahun 2007.

Sebagai contoh, harga baja Kimia Nitrophoska Green yang diimport pada tahun 2004, bernilai RM1,250/mt telah meningkat kepada RM2,800/mt pada tahun 2008. Kenaikan harga ini adalah pada kadar 124%.

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT , MALAYSIA

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG (LABIS)

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 26.05.2008

Tuan Chua Tee Yong (Labis) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan pemberian subsidi petrol yang berasaskan kepada pendapatan seseorang supaya dapat mengurangkan beban tanggungan hidup golongan yang berpendapatan rendah di negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun dengan kenaikan harga petrol dan diesel sebanyak 30 sen seliter dan kenaikan harga LPG sebanyak 30 sen sekilogram pada 28 Februari 2006, telah dimaklumkan bahawa Kerajaan akan menjimatkan subsidi sebanyak RM4.4 bilion berdasarkan harga minyak mentah dunia pada USD61 setong. Walau

bagaimanapun, disebabkan harga minyak mentah yang terus meningkat pada beberapa bulan selepas itu sehingga mencecah USD74 setong, maka penjimatan sebenar sehingga Disember 2006 telah berkurangan kepada RM1.4 bilion sahaja.

Penjimatan ini disalurkan secara berperingkat kepada Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam (KWAPA) yang telah ditubuhkan pada 15 Mei 2006 khusus bagi tujuan antaranya seperti berikut:

i. perbelanjaan bagi menambah baik sistem integrasi pengangkutan awam;
ii. perbelanjaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam terutama dari aspek liputan dan kekerapan perkhidmatan; dan
iii. pembiayaan pinjaman bagi maksud meningkatkan sistem pengangkutan awam di Malaysia.

Sejumlah RM550 juta telah disalurkan setakat ini kepada Kumpulan Wang tersebut dan sebanyak RM498.77 juta (90.69)% telah dibelanjakan dan dikenal pasti untuk perbelanjaan berkaitan penambah baik perkhidmatan sistem pengangkutan awam. Baki penjimatan akan disalurkan kepada KWAPA pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas petrol, diesel dan gas memasak (LPG) dari tahun 2000 sehingga 2007 adalah

sebanyak RM37.4 bilion. Jumlah ini tidak termasuk kehilangan hasil cukai sebanyak RM48.8 bilion. Bagi tahun 2006, jumlah subsidi bagi petrol, diesel dan LPG adalah RM7.3 bilion, bagi tahun 2007 pula adalah sebanyak RM8.7 bilion dan unjuran bagi tahun 2008 adalah sebanyak RM18.31 bilion dengan mengambil kira harga purata minyak mentah pada paras USD105 se tong. Jumlah ini akan bertambah memandangkan harga minyak mentah dunia yang terus melonjak sehingga mencecah USD130 se tong pada masa ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin kepada kebajikan rakyat dan sentiasa memikirkan kaedah terbaik bagi menyalurkan bantuan terutama di dalam keadaan paras harga minyak mentah dunia yang kian meningkat. Walau bagaimanapun perlu dijelaskan bahawa pemberian subsidi bergantung kepada keupayaan kewangan Kerajaan. Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Inflasi yang dipengerusikan sendiri oleh YAB. Perdana Menteri sedang mengkaji mekanisme pemberian subsidi yang lebih efisien yang mampu menangani penyalahgunaan dan pada masa yang sama memastikan golongan yang berhak sahaja menikmati subsidi.

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN SAIFUDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)**

TARIKH : **26 MEI 2008 [ISNIN]**

SOALAN:

Y.B. Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai lengkap syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (Government-linked companies, GLCs) dan syarikat-syarikat swasta yang Lembaga Pengarahnya dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Pejabat Perdana Menteri, termasuk Setiausaha Sulit, Setiausaha Politik, Setiausaha Akhbar serta Pegawai-pegawai Khas kepada Perdana Menteri, dengan menamakan pegawai untuk menjadi Pengarah di syarikat-syarikat tesebut .

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat empat pegawai di Pejabat Perdana Menteri yang dilantik secara kontrak/pentadbiran, yang juga menyandang jawatan sebagai ahli Lembaga Pengarah di syarikat milik penuh Kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan. Mereka adalah:

1. Datuk Md. Alwi Che Ahmad, Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri, yang juga memegang jawatan Pengerusi Lembaga Pengarah di Persatuan Risda Sdn Bhd, Pengarah Bukan Eksekutif di Felcra Agro Sdn Bhd, dan Pengarah Bukan Eksekutif di TH Pelita Sdn Bhd.;

2. Datuk Ahmad Zaki Zahid, Pegawai Khas kepada YAB Perdana Menteri, yang juga memegang jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Malaysian Resources Corporation Berhad;

3. Datuk Kamal Khalid, Pegawai Khas kepada YAB Perdana Menteri, yang juga memegang jawatan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Utusan Melayu (Malaysia) Berhad; dan

4. Cik Nelleita Omar, Pegawai Khas kepada YAB Perdana Menteri, yang juga memegang jawatan Pengarah Bukan Eksekutif di Malaysian Biotechnology Corporation dan Pengarah Bukan Eksekutif di Inno Bio Ventures Sdn Bhd.

Semua perlantikan pegawai-pegawai yang dinamakan tersebut dilakukan secara bebas oleh syarikat-syarikat tersebut dan tidak berdasarkan arahan ataupun pencalonan dari Pejabat Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**914**

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pendatang asing mengikut kategori, pendatang asing tanpa izin, pendatang asing sah yang telah didapati terlibat dalam kes jenayah dan jenis kesalahan-kesalahan lain di sisi undang-undang, mengikut negara asal dan jenis kesalahan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kulai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) jumlah kes jenayah yang melibatkan pendatang asing bagi tahun 2007 adalah sebanyak 3,643 kes. Di antara jenis-jenis kesalahan lain yang dilakukan oleh pendatang asing ini ialah kesalahan di bawah Akta Imigresen, Peraturan Pendaftaran Negara, Akta Dadah Merbahaya, Akta Perikanan dan Kanun Keseksaan. Jika dirujuk kepada statistik, kes-kes jenayah yang melibatkan pendatang asing ini secara puratanya melibatkan ramai dari kalangan warganegara Indonesia, Filipina, Myanmar dan Vietnam.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini tidak menyimpan rekod pendatang asing yang terlibat dalam jenayah mengikut kategori pendatang asing tanpa izin dan pendatang asing yang sah.

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 26 MEI 2008 [ISNIN]

SOALAN:

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan akan mengkaji semula Dasar Automotif Nasional.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Dasar Automotif Nasional yang telah dilancarkan pada 22 Mac 2006 merupakan rangka dasar pembangunan industri automotif negara secara menyeluruh bertujuan memaksimakan sumbangan sektor automotif kepada ekonomi negara untuk tempoh jangka panjang.

Dasar Automotif Nasional mempunyai empat teras iaitu:

1. Pemberian sokongan dan insentif Kerajaan berasaskan sumbangan ekonomi yang mapan;
2. Menggalakkan inisiatif rasionalisasi pengedar dan pembekal komponen automotif untuk mewujudkan struktur industri yang lebih kompetitif;
3. Menggalakkan usahasama strategik dengan rakan kongsi antarabangsa; dan
4. Menjadikan Malaysia sebagai hab serantau dengan menumpu kepada pengeluaran produk automotif untuk pasaran khusus atau *'niche'* dan melengkapkan model-model kenderaan sedia ada.

Pengumuman Dasar Automotif Nasional tempoh hari telah juga menyatakan bahawa dasar tersebut akan dikaji semula dari semasa ke semasa, selaras dengan keperluan dan tren industri automotif tempatan dan juga global. Seperti juga dasar-dasar lain, Kerajaan senantiasa prihatin dan memantau perkembangan terkini agar dasar yang diperkenalkan tersebut terus relevan dan kondusif untuk mengalakkan pertumbuhan industri automotif negara yang berdaya saing dan mapan, sehingga ke peringkat global.

Dalam hal ini, Industri automotif tempatan memerlukan sekurang-kurangnya 2 tahun untuk membuat perancangan pengeluaran kenderaan. Oleh yang demikian, adalah masih awal untuk mengkaji semula Dasar Automotif Nasional yang baru sahaja dilaksanakan lebih kurang 2 tahun. Pandangan ini disokong oleh pihak industri automotif tempatan di dalam siri perbincangan dengan Kerajaan dari semasa ke semasa bagi melaksanakan langkah-langkah untuk meningkatkan daya saing industri automotif tempatan.

Selain itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah tertentu sejajar dengan pencapaian keempat-empat teras tersebut. Dasar Automotif Nasional senantiasa ditambahbaik terutama dari segi kaedah pelaksanaan. Diantara langkah-langkah penambahbaikan yang dilaksanakan adalah pengurangan duti eksais bagi kenderaan penumpang berkapasiti 3,000 c.c. dan ke atas daripada 125 peratus ke 105 peratus, pemansuhan duti eksais 10 peratus kenderaan perdagangan iaitu lori dan trak dan mewujudkan Skim Pinjaman Mudah Pembangunan Automotif dibawah pentadbiran Malaysian

Industrial Development Finance Berhad untuk pengeluar-pengeluar komponen automotif bagi pembiayaan, diantaranya, pembelian perkakasan dan peralatan. Kerajaan kini juga sedang di dalam proses mewujudkan standard mandatori mengikut piawaian antarabangsa United Nations Economic Commission for Europe (UNECE WP29) bagi kenderaan untuk kelulusan 'Vehicle Type Approval'.

Setakat ini, kejayaan awal Dasar Automotif Nasional mula dapat dilihat menerusi pengeluaran model-model kenderaan baru bukan sahaja oleh PROTON dan PERODUA, tetapi syarikat-syarikat pemasang kenderaan yang lain. Peningkatan pasaran eksport khususnya oleh PROTON menerusi kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa seperti PNA Group di Thailand dan Youngman Automobile Group di China juga menampakkan kejayaan Dasar Automotif Nasional.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 38

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**915**

SOALAN:

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan mengamalkan tindakan mengarahkan media massa negara ini untuk membuat laporan yang memihak kepada Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pulai yang telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 Kementerian Dalam Negeri adalah bertanggung jawab untuk mengawalselia bahan-bahan bercetak supaya tidak menyiarkan bahan-bahan yang memudaratkan atau mungkin memudaratkan dari aspek ketenteraman awam, kemoralan, keselamatan, atau yang mungkin menggemparkan fikiran orang ramai atau yang berlawanan dengan undang-undang dan mungkin memudaratkan kepentingan awam atau kepentingan negara.

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian tidak pernah mengamalkan tindakan mengarahkan media massa negara ini untuk membuat laporan yang memihak kepada Kerajaan.

Kementerian hanya mendapatkan kerjasama pihak media agar menjadi penghubung kepada masyarakat supaya memainkan peranan serta memikul tanggung jawab membantu Kerajaan menyalurkan maklumat dan pemberitaan yang neutral, membina serta produktif sejajar dengan usaha-usaha mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan menjana pembangunan negara bertepatan dengan aspirasi negara, di samping memastikan kesejahteraan rakyat dan masyarakat terpelihara.

Kementerian turut menyesuaikan dasar liberal dan keterbukaan yang diamalkan Kerajaan melalui kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri agar pihak media sentiasa melaporkan bahan-bahan berita dan maklumat dalam apa jua bidang yang disiarkan, secara adil dan saksama, berobjektif serta bertanggung jawab dan tidak menyalahi Syarat-syarat Permit dan Garis Panduan Penerbitan sepertimana diperuntukkan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

NO: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]**
SOALAN	:	**NO. 39**

SOALAN

YB. Datuk Bung Moktar bin Radin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah kekangan serta tindakan Kerajaan dalam mengatasi berita-berita yang mengelirukan dan berbentuk fitnah melalui Internet.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik/pengendali/penulis yang menyalahgunakan Internet sebagai platform untuk menabur fitnah, menghina pemimpin negara, agama dan bangsa.

Pendirian dan jaminan Kerajaan bahawa tidak ada penapisan Internet oleh *Multimedia Super Corridor (MSC) Bill of Guarantiee* dan peruntukan seksyen 3 (3) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM'98) tidak bermaksud bahawa kebebasan mutlak diberi kepada pengguna-pengguna untuk menyalahgunakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

Tindakan undang-undang di bawah seksyen 211 dan 233 AKM'98 boleh diambil terhadap individu yang menyalahgunakan Internet bagi menyebarkan kandungan yang bersifat palsu, mengancam atau yang jelik. Jika disabitkan kesalahan, individu boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali. Mereka juga boleh didakwa di bawah Akta Hasutan 1948, Akta Fitnah 1957 dan Kanun Keseksaan.

Secara amnya, semua undang-undang Malaysia diterima pakai dalam menangani perlakuan sesuatu kesalahan tanpa mengambil kira perantaraan atau platform yang digunakan. Dalam hal ini, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain bagi memastikan

bahawa perlakuan kesalahan di bawah undang-undang negara dapat dibanteras dengan sewajarnya.

Selain dari itu, Kementerian juga mengamalkan pendekatan mengambil langkah-langkah pencegahan, diantaranya melalui Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (The Malaysian Communications and Multimedia Content Code) yang diwujudkan secara rundingan melalui Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (The Malaysian Communications and Multimedia Content Forum). Untuk jangka panjang, Kerajaan lebih menumpukan kepada usaha-usaha mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat, khususnya generasi muda supaya bijak memilih dan menggunakan maklumat serta perkhidmatan yang diberi melalui Internet untuk tujuan yang berfaedah. Dalam dunia tanpa sempadan, adalah wajar kita memaksimumkan kesan positif internet ini dan meminimumkan kesan negatifnya demi manfaat bersama.

****

No: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 26 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN : 40

Tuan Chow Kon Yew [Tanjong] minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menambahkan lebih banyak penerbangan secara langsung ke Pulau Pinang bagi mempergiatkan lagi sektor pelancongan di negeri tersebut.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada masa ini, terdapat 10 buah syarikat penerbangan asing beroperasi ke/dari Penang dengan sejumlah 95 frekuensi penerbangan seminggu. Selain daripada itu juga, terdapat sebanyak 3 buah syarikat penerbangan tempatan beroperasi dari/ke Penang.

Bagi meningkatkan lagi kekerapan dan jumlah syarikat penerbangan yang beroperasi dari/ke Penang, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

(i) Membenarkan syarikat FireFly yang merupakan anak syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) untuk mengadakan operasi penerbangan domestik dan serantau, berpengkalan di Penang. Kini, syarikat ini mengadakan perkhidmatan ke 5 destinasi domestik dan 2 destinasi serantau dari Penang seperti berikut:

a) <u>Destinasi Domestik:</u>

Penang – Subang, Penang – Kota Bharu, Penang – Kuala Terengganu, Penang – Kuantan, dan Penang – Langkawi.

b) Destinasi Serantau:

Penang – Phuket dan Penang – Koh Samui.

(ii) Dari segi penerbangan antarabangsa, Kerajaan juga pada rundingan-rundingan udara yang diadakan bersedia menawarkan kepada syarikat-syarikat penerbangan asing untuk mengadakan operasi ke mana-mana lapangan terbang di Malaysia termasuklah Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, keputusan sesebuah syarikat penerbangan untuk mengadakan perkhidmatan ke sesebuah destinasi adalah merupakan keputusan komersial (*commercial decision*) syarikat tersebut, dan ia bergantung kepada beberapa faktor utama seperti *load factor*, *yield* dan sama ada laluan tersebut berdaya maju (*viable*) atau sebaliknya.

NO: 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**
TARIKH	:	**26 MEI 2008 (ISNIN)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO. 41**

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) akan ditarik balik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) adalah suatu Akta yang menjadi sumber kuasa kepada penubuhan, sistem governan dan tadbir urus sesebuah universiti awam negara ini termasuklah aspek tatalaku pelajar dan bukan semata-mata untuk mengongkong pelajar seperti yang disangkakan oleh sesetengah pihak. Menyedari pentingnya AUKU kepada pembangunan dan kemantapan IPT, Kementerian tidak bercadang untuk memansuhkan akta tersebut, sebaliknya akan membuat pindaan bersesuaian dengan keperluan semasa.

Satu Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 telah ditubuhkan untuk mengkaji dan menyemak peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam AUKU

secara menyeluruh dan mengemukakan cadangan pindaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

Pindaan-pindaan yang dibuat adalah untuk menambah baik peruntukan-peruntukan yang sedia ada. Penelitian terhadap pindaan ke atas akta ini adalah bagi melahirkan mahasiswa yang lebih bersifat kreatif, kritis dan inovatif serta mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk suasana pembelajaran.

Dalam meminda akta ini, Jawatankuasa menyemak dan mengkaji AUKU telah banyak kali mengadakan perjumpaan dan konsultasi dengan pelbagai pihak seperti ahli Parlimen, pihak pengurusan universiti, persatuan kakitangan akademik, badan bukan kerajaan dan persatuan mahasiswa telah memberi pandangan dan cadangan berkenaan dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan.

Kementerian amat berhati-hati dengan cadangan pindaan terutama yang menyentuh pembabitan pelajar dalam politik kampus dan percambahan idealogi mahasiswa. Ia perlu mengambil kira semua pandangan *stakeholders* termasuk pelajar dan ibu bapa serta membuat pertimbangan sewajarnya supaya sebarang pindaan kepada AUKU ini tidak akan memberikan kesan yang tidak baik kepada keselamatan dan kesejahteraan negara.

SOALAN NO: 42

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 26 MEI 2008 [ISNIN]

SOALAN : Oleh DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi membantu golongan petani di pedalaman untuk memaksimumkan produktiviti memandangkan sehingga kini masih ramai lagi kelompok ini mengamalkan sistem pertanian sara diri.

JAWAPAN : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

Bagi membantu golongan petani di pedalaman untuk memaksimumkan produktiviti, kerajaan menyediakan infrastruktur asas seperti jalan ladang, pengairan/saliran serta khidmat pemasaran supaya petani boleh memasarkan hasil pertanian dengan harga yang lebih berpatutan.

Selain itu, khidmat nasihat dan bimbingan juga diberikan melalui program-program pengembangan supaya petani dapat meningkat produktiviti.

Para petani tradisional sara diri juga digalakkan untuk melaksanakan pertanian komersil secara perladangan berkelompok bagi meningkatkan pengamalan teknologi baru, penggunaan benih tanaman bermutu, penggunaan baja yang sesuai serta lain-lain aspek amalan pertanian baik (Good Agriculture Practices) bagi meningkatkan hasil dan produktiviti kebun mereka.

Bagi membantu golongan petani di pedalaman Sabah untuk memaksimumkan produktiviti, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui Jabatan Pertanian Sabah telah dan akan terus melaksanakan beberapa projek sepanjang tempoh RMK-9. Di bawah projek Pembangunan Usahawan Pertanian, seramai 41 orang pengusaha pertanian dari Bahagian Pedalaman Sabah disasarkan untuk dibimbing ke arah menjadikan mereka usahawan pertanian yang berjaya. Setakat ini seramai 22 orang pengusaha yang terpilih telah dibimbing dan diberi bantuan insentif yang bernilai RM10,000 setiap orang.

Selain itu, pihak Jabatan Pertanian juga turut melaksanakan aktiviti hiliran yang meliputi pelaksanaan projek-projek pemprosesan makanan dan kraftani. Pelaksanaan projek di bahagian pedalaman yang dibiayai melalui Program Menambah dan Meningkatkan Pendapatan Petani, Penternak dan Nelayan meliputi seramai 21 orang sehingga kini.

Dalam tahun 2005, penerima yang layak menerima insentif ini diberikan bantuan peralatan pemprosesan makanan yang bernilai RM5,000 seorang. Bagaimanapun mulai tahun 2006 peruntukan telah ditambah sehingga RM10,000 setiap orang bagi membiayai peralatan pemprosesan makanan yang dilaksanakan secara individu dan yang berkumpulan (merangkumi tidak kurang 5 orang ahli) dibenarkan untuk membina Bengkel Pemprosesan Makanan.

Para petani di Bahagian Pedalaman juga turut diberi bantuan berupa input-input yang diperlukan untuk projek peningkatan hasil di bawah Projek Pembangunan Tanaman Padi untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi terutama di kawasan-kawasan yang mempunyai sistem pengairan dan saliran yang cekap. Sehingga kini seluas 383 hektar sawah melibatkan 140 orang petani berjaya melaksanakan bantuan projek peningkatan hasil.

Selain itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah melalui Jabatan Pertanian juga turut melaksanakan projek-projek pemulihan tanah sawah terbiar di mana bantuan untuk memulihkan tanah sawah terbiar ini meliputi aktiviti pembersihan kawasan, perparitan dan input-input pertanian bernilai RM4,200. Pengusaha padi di bahagian Pedalaman turut dibantu melalui pemberian subsidi Skim Bantuan Baja Padi Kerajaan Persekutuan, baja sebatian dan baja tambahan selain

pemberian bonus sebanyak RM650 sehektar bagi pencapaian projek 10 tan sehektar, insentif peningkatan hasil bernilai RM650 tan sehektar dan pemberian subsidi belian padi bernilai RM248.10 se tan.

Antara projek-projek yang telah dilaksanakan di daerah Keningau, Tenom dan Nabawan adalah:

i) projek Pembangunan Tanaman Buah-buahan seluas 330.4 hektar , 17.9 hektar buah-buahan telah berjaya dibangunkan dan 91.04 hektar diselenggara di kawasan pedalaman pada tahun 2007

ii) projek Pembangunan Tanaman Sayur-sayuran, Program Ladang Berkelompok bercirikan komersial untuk tanaman bernilai tinggi dan berorientasikan pasaran. Fokus utama ialah program Tanaman Makanan seperti sayur-sayuran termasuk penanaman sayur menggunakan Rumah Kalis Hujan (RKH) yang menekankan kualiti pengeluaran di samping tanaman singkat masa seperti keladi, kacang tanah, halia dan jagung. pelaksanaan projek-projek ini di kawasan pedalaman melibatkan tanaman sayur-sayuran (47 hektar/115 petani), pembinaan Rumah Kalis Hujan (RKH) (29 buah/48 petani), membangun tanaman singkat masa (255 hektar/ 275 petani). Setakat 2007, seluas 11 hektar kawasan dibangun dengan tanaman sayur-sayuran melibatkan 30 petani, pembinaan 5 buah Rumah Kalis Hujan (RKH) bagi 16 petani serta 92 hektar kawasan dibangun dengan tanaman singkat masa melibatkan 99 petani.

SOALAN NO : 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAPAN LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**

SOALAN

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pembiayaan subsidi keseluruhan setiap tahun sejak 2005 dengan memberikan pecahan terperinci setiap bentuk subsidi. Adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula subsidi yang dinikmati oleh golongan berada. Apakah sistem yang lebih adil patut dicadangkan untuk memastikan bantuan dinikmati oleh golongan tidak berada.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM36.6 bilion untuk subsidi pada tahun 2005 meningkat kepada RM43.4 bilion pada tahun 2007. Pemberian subsidi ini adalah bertujuan untuk meringankan beban rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Pelbagai bentuk subsidi yang diberikan oleh Kerajaan termasuklah subsidi padi, dana peniaga kecil, pendidikan, pengangkutan, sosial dan faedah imbuhan tabung seperti berikut :

Subsidi dan Bantuan-bantuan Lain

Kepada Rakyat (RM juta)

	2005	2006	2007
Jumlah Besar	**36,625**	**38,409**	**43,390**
Subsidi Produk Petroleum	16,012	14,670	16,181
Subsidi Harga Gas Kepada Sektor Elektrik & Industri	14,300	15,600	18,000
Bantuan-bantuan Lain	6,313	8,139	9,209
Subsidi Padi	626	841	949
Subsidi Faedah Imbuhan Tabung	178	347	503
Kos Dana Peniaga Kecil	449	175	400
Pendidikan	2,733	3,057	3,911
Pengangkutan	153	160	218
Bantuan Untuk Orang Asli	14	12	15
Subsidi Sosial	189	242	266
Lain-lain	1,971	3,305	2,947

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memang bercadang dan sedang meneliti semula pemberian subsidi dengan menggunakan mekanisma yang lebih tersusun. Ini adalah untuk memastikan pengagihan subsidi yang lebih adil dan saksama kepada semua golongan rakyat sama ada mereka berpendapatan rendah, sederhana dan golongan berada. Antara langkah yang akan diperkenalkan termasuklah pemberian subsidi dibuat secara kuota kepada semua pemilik kenderaan bermotor yang berdaftar. Kerajaan juga sedang meneliti mekanisma untuk diperkenalkan bagi tujuan keadilan dan kesaksamaan untuk semua rakyat. Walau bagaimanapun, mekanisma ini masih lagi di dalam kajian dan penelitian Kerajaan. Sehubungan itu, diharap selepas mekanisma ini diperkenalkan isu mengenai ketidak puasan hati rakyat

daripada semua golongan masyarakat, baik golongan berpendapatan rendah, sederhana ataupun kaya dapat dihindarkan.

SOALAN NO. (44)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG)
TARIKH	:	26 MEI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. PUAN TEO NIE CHING (SERDANG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk memulihkan sistem pilihanraya bagi Kerajaan Tempatan dan Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sekiranya, ya, bila dan jika tidak, mengapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mei 2008

SOALAN : ~~43~~ 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA)

TARIKH : 26 MEI 2008

SOALAN : DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE (TENGGARA)

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian dapat benar-benar memastikan keadaan 'kemiskinan tegar sifar' di negara ini di mana insiden kemiskinan masih berleluasa terutamanya di desa-desa. Apakah usaha-usaha bersepadu yang dilakukan dalam menangani isu ini agar tidak berlaku pertindihan peranan di antara Kementerian.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang bersepadu dengan pelan strategi pembasmian kemiskinan bagi memastikan sasaran mensifarkan miskin tegar menjelang tahun 2010 seperti berikut:

i) Menetap dan menyeragamkan definisi Kemiskinan dan Kemiskinan Tegar serta Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang digunapakai seluruh Negara;

ii) Menubuhkan satu Bank Data Kemiskinan Nasional yang dikenali sebagai eKasih untuk mengintegrasi data dan menempatkan maklumat berkaitan dengan profil keluarga miskin dan miskin tegar di bandar dan luar bandar peserta, jenis bantuan yang diterima serta projek yang mereka terlibat;

iii) Menggunakan pendekatan *framework* pemetaan kemiskinan (poverty mapping) dalam merancang dan mengenalpasti kumpulan sasar dan projek yang akan dilaksanakan seluruh Negara; dan

iv) Menubuhkan jawatankuasa *Focus Group* di peringkat pusat, negeri dan daerah bagi memantau perancangan, prestasi pelaksanaan dan penilaian program pembasmian kemiskinan dapat dilaksanakan sepenuhnya dan menepati sasaran.

Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya perancangan dan pelaksanaan yang bersepadu dan terselaras ini dapat mencapai sasaran yang dihasratkan. Walaupun berjaya mensifarkan miskin tegar menjelang 2010, Kerajaan akan meneruskan program pembasmian kemiskinan dengan memastikan program-program yang mereka terlibat adalah berdaya tahan *(sustainable)* terutamanya di kawasan luar bandar, penempatan masyarakat Orang Asli dan terpencil seperti di Sabah dan Sarawak. Projek-projek yang mampu menjana pendapatan yang berterusan akan disalurkan supaya mereka tidak jatuh miskin tegar semula. Ini akan hanya dapat dilaksanakan dengan sokongan kemudahan-

kemudahan perkhidmatan lain seperti latihan kemahiran, pembangunan modal insan, motivasi dan infrastuktur asas yang baik dan mudah dicapai.

SOALAN NO: ~~43~~ 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN FAUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)

TARIKH : 26 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah yang akan dilakukan kepada dakwat hitam yang telah dibeli untuk kegunaan di kuku tetapi telah TIDAK digunakan dalam Pilihan Raya ke-12 lalu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwat kekal yang dibeli oleh SPR masih disimpan di stor SPR. Pada masa ini, ada dua pihak yang berminat untuk membeli dakwat kekal tersebut. Perbincangan sedang dijalankan oleh Urus Setia SPR dan SPR menjangkakan Kerajaan tidak akan mengalami sebarang kerugian mengenai perkara ini.

Status kawalan keselamatan di tapak binaan

Pada tahun 2007, Kementerian telah menjalankan penguatkuasaan undang-undang ke atas 3,128 tapak binaan yang aktif di seluruh negara dan dari audit yang dibuat adalah didapati tahap keselamatan dan kesihatan di tapak binaan secara keseluruhan berada di tahap seperti berikut:

Gred A	-	2%,
Gred B	-	12.4%
Gred C	-	30%
Gred D	-	28%
Gred E	-	27.6%

Kementerian juga mengadakan pemeriksaan mengejut dan pemeriksaan susulan ke atas tapak tapak berkenaan bagi menilai keberkesanan penguatkuasaan dan arahan-arahan yang diberi.

Sekiranya berlaku kemalangan, pampasan yang mereka perolehi dari PERKESO adalah seperti di dalam skim berikut:

Skim Insurans Bencana Pekerjaan

(i) Faedah Perubatan
(ii) Faedah Hilang Upaya Sementara
(iii) Faedah Hilang Upaya Kekal
(iv) Elaun Layanan Sentiasa
(v) Faedah Orang Tanggungan
(vi) Faedah Pengurusan Mayat
(vii) Faedah Pemulihan
(viii) Faedah Pendidikan

Skim Pencen Ilat

(i) Pencen Ilat
(ii) Bantuan Ilat

(iii) Elaun Layanan Sentiasa

(iv) Pencen Penakat

(v) Faedah Pengurusan Mayat

(vi) Faedah Pemulihan

(vii) Faedah Pendidikan

Skim Insurans Bencana Pekerjaan ini memberi perlindungan kepada para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk kemalangan di tempat kerja, penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan pekerjaan. Manakala Skim Pencen Ilat pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja yang mendapat keilatan atau kematian.

Pada tahun 2007, pihak Kementerian Sumber Manusia telah menerima laporan pemberitahuan kemalangan di tapak binaan adalah seperti berikut

Kes Maut	148 kes
Kes Hilang Upaya Kekal	229 kes
Kes Tiada Hilang Upaya Kekal	4,292 kes
Jumlah	**4,669 kes**

Antara langkah langkah yang diambil terhadap pemaju yang mengabaikan keselamatan pekerja adalah

(i) Mengeluarkan Notis Pembaikan

(ii) Mengeluarkan Notis Larangan

(iii) Mengeluarkan Kompaun

(iv) Mengenakan tindakan mahkamah.

SOALAN NO: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**916**

SOALAN:

Puan Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tahap kejayaan pusat serenti untuk memulihkan penagih-penagih dadah.

JAWAPAN

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Manis yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Y. B., Pusat Serenti menyediakan program rawatan dan pemulihan yang komprehensif meliputi aspek fizikal, kesihatan, psikologikal, vokasional dan kerohanian. Melalui program tersebut, penagih-penagih berjaya diberi rawatan dan pemulihan untuk membebaskan diri mereka daripada pergantungan terhadap dadah.

Namun demikian, terdapat di kalangan mereka yang tidak berjaya mengekalkan kepulihan setelah dibebaskan dari pusat serenti. Ini adalah berpunca daripada pelbagai faktor; antaranya ialah penolakan keluarga, stigma negatif masyarakat, kesukaran mendapatkan pekerjaan dan ketahanan diri yang lemah.

Berdasarkan rekod Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI), Agensi Antidadah Kebangsaan, pada tahun 2007 seramai

33,317 orang telah mengikuti program pengawasan di dalam komuniti. Daripada jumlah tersebut, seramai 18,774 orang telah tamat tempoh pemulihan dalam komuniti sepanjang tahun tersebut di mana seramai 7,582 orang (40.39%) telah berjaya membebaskan diri daripada dadah. Manakala 2,503 orang (13.33%) telah menagih semula selepas mengikuti program. Di samping itu, seramai 8,515 orang (45.36%) tidak dapat dikesan dan bakinya seramai 174 orang (0.93%) telah didapati meninggal dunia.

Soalan No : 49

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA)**

TARIKH : **26.5.2008**

SOALAN:

Y.B. DR. SITI MARIAH BINTI MAHMUD (KOTA RAJA) minta Menteri Pelajaran menyatakan statistik pelajar yang digantung dan dibuang sekolah atas pelbagai kesalahan sejak tahun 2001 hingga 2008 mengikut pecahan jenis-jenis kesalahan dan hukuman. Apakah langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ini dan seterusnya mengangkat disiplin pelajar ke tahap yang membanggakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyedari bahawa masalah disiplin murid masih berlaku. Walau bagaimanapun, hasil kerjasama semua pihak dan juga kempen-kempen yang dilaksanakan, KPM mendapati terdapat penurunan kes salah laku murid-murid di sekolah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi kes-kes yang dikenakan hukuman buang sekolah, terdapat penurunan iaitu daripada 0.4% pada tahun 2001 kepada 0.18% pada tahun 2007. Manakala dalam jangka masa yang sama iaitu dari tahun 2001 hingga 2007, peratus tindakan kepada kes gantung sekolah adalah pada kadar yang sama iaitu 0.3%.

Perlu dijelaskan bahawa tindakan buang sekolah adalah pilihan terakhir dalam proses hukuman terhadap seseorang murid setelah usaha mencegah, membimbing dan memberi nasihat dilakukan. Hukuman Gantung atau Buang

Sekolah adalah merupakan salah satu daripada hukuman dalam proses tindakan disipin terhadap murid sekolah. Ia hanya dikenakan sekiranya perlakuan tersebut berlaku secara berulangan atau perbuatan murid berkenaan sangat merbahaya atau mengancam murid lain, guru-guru atau kaki tangan sekolah. Hukuman ini dilaksanakan atas sebab salah laku berat yang dilakukan oleh seseorang murid termasuklah kesalahan jenayah dan ponteng sekolah.

KPM mengharapkan hukuman ini dapat membantu menyelesaikan masalah disiplin murid khususnya dalam usaha mengekang ancaman keselamatan dan kesejahteraan terhadap murid-murid lain, guru-guru atau kaki tangan di sesebuah sekolah.

KPM juga telah melaksanakan pelbagai langkah lain untuk mengatasi masalah tersebut. Antaranya;

i. Menggerakkan kempen menerusi media elektronik dan cetak serta gerakan bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan yang lain di peringkat sekolah;

ii. Melaksanakan Program Jati Diri kepada murid-murid berisiko di Pusat-pusat Kokurikulum Negeri;

iii. Melaksanakan kursus-kursus yang berkaitan perundangan dan peraturan kepada guru-guru disiplin;

iv. Menggerakkan operasi Pasukan Petugas Anti Ponteng di peringkat daerah;

v. Menguatkuasakan peraturan sekolah melalui operasi *Flying Squad* KPM;

vi. Mengedarkan poster-poster anti ponteng dan anti buli ke semua sekolah;

vii. Menjalankan secara rintis program Intervensi Buli dan Program Minda Sejahtera (PROMIS); dan

viii. Menggerakkan permuafakatan tindakan bersama PIBG, PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Soalan No. 50

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI AZMI BIN KHALID (PADANG BESAR)

TARIKH : 26 MEI 2008

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan mengapa pendapatan peneroka kelapa sawit FELCRA Bukit Merawan, Mukim Kledang Sayong, Kuala Kangsar hanya RM10 sebulan setiap satu ekar dan keadaan ini berterusan selama berbelas-belas tahun, walaupun harga kelapa sawit meningkat di pasaran dunia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui FELCRA Berhad adalah berperanan untuk melaksanakan pembangunan tanah khususnya yang melibatkan tanah-tanah terbiar. Projek FELCRA Berhad Bukit Merawan, Mukim Kledang Sayong, Kuala Kangsar, Perak adalah merupakan salah satu daripada projek yang dilaksanakan.

Faktor utama peneroka kelapa sawit FELCRA Berhad Bukit Merawan memperolehi pendapatan yang rendah adalah disebabkan oleh bentuk muka bumi kawasan tersebut yang dianggarkan berjumlah 11 hektar tidak dapat dimajukan kerana kawasan berbukit/curam dan berpaya serta berselerak disebabkan pada peringkat awal

pembangunan wujudnya lot-lot persendirian yang tidak menyertai FELCRA berhad.

Kos pengeluaran adalah tinggi kerana bentuk mukabumi yang berbukit/curam dan kedudukan projek yang jauh di pedalaman serta tanahnya tidak begitu sesuai dengan tanaman kelapa sawit. Sehubungan itu pembayaran dividen kepada peserta adalah rendah walaupun disokong oleh harga yang tinggi di pasaran dunia.

Di samping itu, dirian pokok sehektar (SPH) adalah rendah iaitu 94 pokok sahaja berbanding dengan sepatutnya iaitu 148 pokok.

Walau bagaimanapun, FELCRA Berhad telah mengambil pelbagai usaha ke arah peningkatan hasil seperti pembaikan jalan pertanian dan mengukuhkan amalan pertanian baik di projek-projek yang dimajukannya.

SOALAN NO: 51

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN (KULIM BANDAR BARU)**
TARIKH	:	**26 MEI, 2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN (KULIM BANDAR BARU)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

(a) Berapakah stok beras di negara ini dan berapa lamanya ianya boleh bertahan ; dan

(b) Apakah langkah yang dirancang untuk menangani masalah kenaikan harga beras dan kekurangan bekalan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Stok beras negara pada satu-satu masa adalah mencukupi. Stok beras negara pada Mac 2008 berjumlah 477,853 MT. Jumlah ini tidak termasuk stokpail beras negara sebanyak 92,000 MT yang diuruskan oleh BERNAS.

b) Di antara langkah-langkah untuk mengatasi masalah kenaikan harga dan kekurangan bekalan adalah seperti berikut:

   i. Memastikan bekalan beras mencukupi di pasaran dengan membuat pemantauan setiap hari supaya tidak terdapat pemborong, pengilang dan peruncit menyimpan atau menyorok beras untuk membuat spekulasi harga.

ii. Menetapkan syarat pengilang memproses padi dan menetapkan operasi kilang sekurang-kurangnya selama 6 jam setiap hari

iii. Menetapkan pengilang swasta mengeluarkan beras yang dikawal harganya iaitu Super Tempatan sekurang-kurangnya 10% daripada pengeluarannya.

iv. Menetapkan arahan kepada BERNAS supaya mengeluarkan 100% beras gred Super Tempatan.

v. Membuat pemantauan harian oleh pegawai pengkuatkuasa kawal selia padi dan beras bagi menentukan bekalan beras adalah mencukupi.

vi. Mempertingkatkan penguatkuasaan di sempadan supaya beras tidak di seludup keluar

vii. Mengarahkan pengedaran segera bekalan beras oleh pengilang dan pemborong.

viii. Meningkatkan pengeluaran beras tempatan.

Soalan No: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	Y.B. TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM (MUAR)
PERTANYAAN	:	MULUT
TARIKH	:	26.05.2008 SOALAN NO: 52

Y.B. Tuan Razali Bin Haji Ibrahim (Muar) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) kejayaan atau kelemahan implementasikan Mekanisme Pengenapan yang melibatkan pengecualian syiling 1 sen sejak 1 April dan sehingga bila syiling ini sah diperakukan; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan lebih didominasi seperti RM200 atau RM500 memandangkan kenaikan harga-harga barangan secara am.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mekanisme Pengenapan yang melibatkan pengecualian syiling 1 sen telah dilancarkan pada 1 April 2008 bertujuan di antaranya untuk:

i. memudah dan menyenangkan urus niaga di mana para peniaga akan dapat mengurangkan kos pengendalian manakala bagi orang ramai transaksi akan menjadi lebih cepat dan mudah;

ii. menangani isu berkaitan pembaziran ekonomi di mana duit syiling 1 sen yang telah dikeluarkan telah tidak dikembalikan ke dalam sistem perbankan untuk digunakan semula.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, kini terdapat sebanyak 4.4 bilion keping duit syiling 1 sen dalam edaran.

2. Mekanisme Pengenapan telah berjaya mencapai matlamatnya sejak pengumuman pelaksanaannya pada 13 November 2007 di mana Bank Negara Malaysia (BNM) telah

menerima maklum balas yang positif daripada para peniaga dan juga orang ramai yang mendapati penggunaan duit syiling 1 sen dalam urus niaga adalah remeh dan menyusahkan. Dengan pengecualian syiling 1 sen, BNM telah dapat menjimatkan kos pengeluaran sebanyak RM14 juta setahun serta dapat menangani isu pembaziran ekonomi.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kerajaan belum bercadang untuk *demonetize* duit syiling 1 sen daripada edaran, bagi memudahkan peniaga dan orang ramai menggunakan duit syiling 1 sen yang masih ada dalam pegangan mereka. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengkaji keperluan sama ada duit syiling 1 sen ini akan di *demonetize* pada masa yang sesuai kelak.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan berpandangan denominasi yang ada sekarang seperti penggunaan RM100 adalah kecil. Di samping itu, orang ramai juga boleh menggunakan cek, kad kredit dan pemindahan dana sebagai alternatif pembayaran. Oleh yang demikian, Kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan lebih denominasi RM200 atau RM500.

NO SOALAN: 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN

TARIKH : 26 MEI 2008

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status siasatan Badan Pencegah Rasuah berkenaan tuduhan terhadap Ketua Menteri Sarawak yang terlibat dalam skandal-skandal pengeksportan kayu balak ke negara Jepun yang telah mendapat laporan meluas dalam media Jepun.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Siasatan Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap dakwaan yang melibatkan Ketua Menteri Sarawak masih lagi dijalankan. Namun begitu sebagaimana Y.B. Bandar Kuching sedia maklum, Seksyen 21(4) Akta Pencegahan Rasuah 1997 yang telah dikuatkuasakan mulai 8 Januari 1998 menyatakan:

> *"sesuatu aduan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya sehinggalah orang tertuduh dipertuduh di mahkamah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain berbangkit daripada aduan itu."*

Peruntukan tersebut jelas melarang sebarang pendedahan terhadap aduan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada mana-mana orang selain dari pegawai-pegawai Badan dan Pendakwa Raya.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)**

TARIKH : **26.5.2008**

SOALAN:

Y.B. PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH) minta Menteri Pelajaran menyatakan punca utama kekurangan guru-guru khasnya Guru Mata pelajaran Cina di Sekolah Menengah Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kekurangan guru wujud bukan sahaja di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) tetapi juga di hampir semua jenis sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Walau bagaimanapun, ini merupakan masalah sementara akibat pewujudan jawatan-jawatan baru dalam Anggaran Belanja Mengurus (ABM) 2008. Pewujudan jawatan tambahan tersebut bertujuan meringankan tugas guru di samping meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan di sekolah.

KPM sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam menangani masalah kekurangan guru terlatih dalam pelbagai opsyen di seluruh negara termasuklah di SJKC dan SJKT. Sehubungan itu, KPM telah melatih guru-guru dengan pelbagai *mode* latihan perguruan. Antaranya;

i. Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) – Mode Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS);
ii. Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) – KDC;
iii. Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) – *Mode* Latihan Perguran Berasaskan Sekolah (LPBS);
iv. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP);
v. Program Ijazah Muda Pendidkan (B. Ed);
vi. Program Ijazah Sarjana Muda Pelajar Cemerlang (PPC);
vii. Program Kembar dengan universiti dari Republik Rakyat China;
viii. Program Khas Pensiswazahan Guru (PKPG) sehingga 2006; dan
ix. Program Pensiswazahan Guru sekolah rendah.

KPM juga melalui Bahagian Pendidikan Guru (BPG) telah melatih guru-guru opsyen Bahasa Cina (BC) dan Bahasa Tamil (BT) bagi memenuhi keperluan sekolah-sekolah KPM berdasarkan bilangan unjuran guru yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Unjuran Keperluan guru (JKUG) KPM.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN DR. DZULKEFLY BIN AHMAD (KUALA SELANGOR)**

PERTANYAAN : **MULUT**

TARIKH : **26.05.2008SOALAN NO: 55**

Tuan Dr. Dzulkefly bin Ahmad (Kuala Selangor) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan (RMK9) diberikan atau dilakukan melalui tender terbuka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang telah dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 30 April 2008, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-sembilan, sebanyak RM165 bilion telah diluluskan bagi pelaksanaan projek. Daripada jumlah ini, 62% daripadanya telah dilaksanakan secara tender. Jumlah ini merujuk kepada projek-projek yang telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya serta projek-projek yang telah dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk dilaksanakan secara tender.

SOALAN NO 56

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI (KUALA KRAI)

TARIKH : 26 MEI 2008

SOALAN

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah alasan-alasan sebenar cadangan penggunaan dakwat kekal dalam Pilihan Raya Umum yang lalu dibatalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan utama SPR hendak melaksanakan penggunaan dakwat kekal adalah untuk mempertingkatkan lagi ketelusan di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Ini kerana terdapat dakwaan-dakwaan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa ada pengundi-pengundi yang akan cuba mengundi lebih dari

sekali. Justeru itu, dengan penggunaan dakwat kekal ia dapat mengelakkan mana-mana pihak untuk mengundi lebih daripada sekali. Oleh yang demikian, persiapan awal yang sewajarnya untuk melaksanakan cadangan penggunaan dakwat kekal telah dibuat oleh SPR.

Namun begitu SPR telah menerima laporan daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang mengesahkan bahawa wujudnya pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah memperolehi bekalan dakwat kekal daripada negara jiran. Mereka telah merancang mengekploitasikan penggunaan dakwat kekal dengan cara memujuk pemilih-pemilih terutamanya dari masyarakat luar bandar dan pedalaman supaya terlebih dahulu mencalit dakwat kekal di atas kuku masing-masing sebelum hari mengundi dengan mengatakan bahawa hanya mereka yang sudah dicalit dengan dakwat kekal sahaja yang dibenarkan mengundi pada hari mengundi. Aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab ini boleh menyebabkan timbulnya ketegangan di saluran-saluran mengundi kerana petugas-petugas pilihan raya sudah tentu tidak akan mengeluarkan kertas undi kepada mereka yang telah dicalitkan dakwat kekal di atas kuku masing-masing, sedangkan pada hakikatnya mereka belum lagi mengundi.

Selain daripada itu ejen-ejen mengundi juga sudah tentu akan mambantah mereka yang sudah dicalit dakwat kekal di atas jari kuku masing-masing daripada cubaan mengundi kali kedua. Apa yang berlaku ialah mereka telah diperdayakan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Jika ketegangan di antara pengundi dan ejen-ejen mengundi berlaku di saluran mengundi di seluruh negara, pihak polis sudah memaklumkan kepada SPR bahawa mereka tidak mampu untuk mengawal ketegangan yang mungkin berlaku sehingga boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam serta huru-hara pada hari mengundi. Justeru itu, pihak polis telah menasihatkan SPR supaya menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal ini dan SPR akur dengan cadangan tersebut.

Di samping itu Ahli Yang Berhormat sekalian perlu maklum bahawa dari segi undang-undang, SPR perlu menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal ini disebabkan peruntukan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan telah menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk mengundi. Ini bermakna hak ini tidak boleh dinafikan kecuali jika pemilih berdaftar itu hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang. Hak ini merupakan hak asasi seseorang pemilih berdaftar. Undang-

undang yang memperuntukkan selainnya adalah *ultra vires* Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Ini juga bermakna bahawa seseorang yang kukunya kelihatan telah dicalit dengan dakwat kekal atau seseorang yang enggan kukunya dicalit dengan dakwat kekal tidak boleh dinafikan haknya untuk mendapatkan kertas undi.

Perkara-perkara yang disebutkan tadi telah menjadi bahan perbincangan di dalam mesyuarat Jemaah Menteri yang diadakan pada 13 Februari 2008 (Hari Pembubaran). Jemaah Menteri telah menolak cadangan SPR untuk memperundangkan cadangan penggunaan dakwat kekal di atas jari kuku pengundi di dalam Pilihan Raya Umum Ke-12. Oleh itu amat sukar untuk SPR melaksanakan cadangannya dan dengan itu SPR bersetuju menarik balik cadangan penggunaan dakwat kekal dalam Pilihan Raya Umum Ke-12.

SOALAN NO: 57

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 26 MEI 2008

RUJUKAN : 918

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menubuhkan IPCMC dan langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan negara dari aktiviti jenayah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Tanjong yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai penubuhan Suruhanjaya Bebas Pengaduan dan Salah Laku Polis (IPCMC), Kerajaan pada asalnya telah bersetuju menubuhkan Suruhanjaya Aduan Khas 2007 (*Special Complaint Commision)* sebagai alternatif kepada IPCMC. Walaubagaimanapun setelah mendapat maklumbalas daripada pelbagai pihak, kerajaan telah memutuskan untuk menarik semula Rang Undang-Undang yang telah dibaca untuk kali pertama di Dewan Rakyat pada 13 Disember 2007 untuk disemak dengan lebih terperinci

Tuan Yang Dipertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah membuat inisiatif untuk menambahbaik pasukan tersebut menjadi sebuah badan penguatkuasa undang-undang utama negara agar kesejahteraan dan keamanan negara ini sentiasa berkekalan. Ke arah ini, PDRM telah merangka Pelan Strategik Lima Tahun (PS5T) 2007-2011 dengan tumpuan teras utama kepada pemantapan intergriti pegawai polis, meningkatkan kualiti perkhidmatan polis dan menangani masalah peningkatan jenayah dan kebimbangan masyarakat mengenai jenayah.

NO: 58

SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

Daripada : YB. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]

Tarikh : 26 Mei 2008

Soalan : 58

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kedudukan pembelian kapsul Soyuz di bawah program Angkasawan Negara serta nyatakan kos dan perbelanjaan dianggarkan untuk misi ke 2 bagi penghantaran angkasawan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Bidang angkasa merupakan sektor ekonomi baru yang penting dan berupaya untuk menjana kekayaan dan menjanjikan banyak pulangan kepada Negara. Namun untuk tujuan ini, negara perlu membangun keupayaan di dalam bidang yang penting dan strategik ini. Program Angkasawan Negara yang telah berjaya dilaksanakan baru-baru ini, bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mendidik masyarakat mengenai kepentingan sains dan teknologi angkasa serta aplikasinya, malah mempunyai objektif untuk membangun keupayaan negara di dalam bidang ini, khususnya di

dalam aspek meningkatkan penguasaan ilmu, pemindahan teknologi dan juga pembinaan pengalaman.

Untuk makluman ahli-ahli yang berhormat juga, Kementerian berpandangan bahawa pembelian kapal Soyuz ini boleh dilihat sebagai satu peluang yang baik untuk menggunakannya bagi mendapatkan teknologi angkasa yang tinggi ini. Namun begitu, perkara ini masih di peringkat perundingan dengan pihak Rusia untuk membenarkan kita mendapatkan kapal Soyuz ini. Penelitian lebih lanjut akan diadakan oleh Kementerian ini dan keputusan muktamad akan ditentukan oleh kerajaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Pada dasarnya kerajaan telah pun bersetuju untuk meneruskan Program Angkasawan ini. Walau bagaimanapun, setakat ini masih belum ada sebarang peruntukan untuk pelaksanaannya. Walaupun demikian, Kementerian ini sedang mengkaji beberapa perkara teknikal secara terperinci berkaitan Program Angkasawan selanjutnya. Antaranya adalah, misi program yang perlu penekanan yang lebih kepada impak ekonomi; cadangan kerjasama perlaksanaan misi dengan agensi-agensi antarabangsa seperti ROSCOSMOS (Rusia) atau NASA (Amerika Syarikat) atau gabungan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti ESA (Kesatuan Eropah) atau JAXA (Jepun); tempoh perlaksanaan misi yang mungkin lebih panjang dan tarikh sebenar misi program akan datang. Perincian ini yang sedang dalam penelitian kerajaan akan menentukan pula kos misi tersebut nanti.

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B Dato' Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**

SOALAN:

Dato' Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman [Pengkalan Chepa] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar ekonomi baru supaya nampak zahir keuntungan kepada semua golongan yang berhak dan apakah tahap pencapaian ekonomi di kalangan semua kaum Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pada mulanya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan dalam agenda pembangunan negara bagi tempoh 1971-1990 dengan matlamat utama untuk mencapai perpaduan nasional dan pembentukkan negara melalui strategi serampang dua mata iaitu:

(i) pembasmian kemiskinan tanpa mengira kumpulan etnik; dan

(ii) penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi.

Selepas tahun 1990, semangat DEB telah diterapkan dalam dasar-dasar utama pembangunan negara iaitu Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan Teras Ketiga Misi Nasional di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) bagi menangani masalah jurang sosioekonomi antara dan di kalangan kumpulan etnik, bandar dan luar bandar.

Berlandaskan kepada Teras Ketiga Misi Nasional di atas, Kerajaan telah bersetuju melanjutkan tempoh pencapaian matlamat DEB sehingga tahun 2020. Oleh itu, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang mengkaji semula dasar yang digubal berlandaskan semangat Dasar Ekonomi Baru bagi meningkat taraf ekonomi semua lapisan masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil daripada usaha Kerajaan yang menerap semangat DEB dan memberi tumpuan kepada pengagihan yang saksama, insiden kemiskinan di Malaysia telah berkurangan. Mengikut Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, insiden kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia telah berkurang daripada 5.7% pada tahun 2004 kepada 3.6% pada tahun 2007. Dari segi nilai mutlak, jumlah isi rumah miskin berkurang sebanyak 33% daripada 311,300 kepada 209,000 dalam tempoh yang sama. Kadar kemiskinan Bumiputera di Sabah seperti Kadazan/Dusun berkurangan daripada 25.6% kepada 21.0%, Bajau berkurangan

daripada 32.9% kepada 22.4% dan Murut berkurangan daripada 34.5% kepada 33.1% bagi tempoh yang sama. Begitu juga dengan kadar kemiskinan Bumiputera di Sarawak seperti Iban berkurangan daripada 7.9% kepada 4.9%, Bidayuh berkurangan daripada 15.5% kepada 6.5% dan Melanau berkurangan daripada 8.3% kepada 4.6% bagi tahun 2004 berbanding tahun 2007.

Pendapatan purata rakyat Malaysia secara keseluruhannya telah turut meningkat iaitu daripada RM3,249 pada tahun 2004 kepada RM3,686 pada tahun 2007. Semua kumpulan etnik juga mengalami peningkatan pendapatan purata dan ketidaksamaan pendapatan antara kaum turut berkurangan.

SOALAN NO: 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**

TARIKH : **ISNIN, 26 MEI 2008**

RUJUKAN : **014**

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :

a) Berapakah jumlah bajet yang diluluskan kepada DBKL bagi tahun 2006 dan 2007 dan daripada jumlah tersebut berapakah yang dibelanjakan untuk tujuan pengurusan; dan

b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan perbelanjaan dalam pengurusan memandangkan tumpuan harus diberikan kepada kebajikan rakyat dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lembah Pantai, **bajet yang telah diluluskan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 2006 ialah sebanyak RM 2,150,880,210 dan pada tahun 2007 sebanyak RM 2,365,366,952 juta.**

PERKARA	**TAHUN 2006**	**TAHUN 2007**
JUMLAH PERUNTUKAN KESELURUHAN	2,150,880,210	2,365,366,952
PERUNTUKAN MENGURUS SAHAJA	1,165,403,750	1,323,820,410
PERATUS PERUNTUKAN	54.2 %	55.9 %
JUMLAH YANG TELAH DIBELANJAKAN	1,054,100,000	1,255,600,000
PERATUS DIBELANJAKAN	90.45 %	94.85 %

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL mengamalkan perbelanjaan berhemah yang mana DBKL memastikan setiap perbelanjaan itu dapat memberi pulangan yang sewajarnya kepada warga kota dan dapat menaikkan imej Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan yang disegani.

DBKL berperanan memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik melalui hasil yang boleh dikutip melalui Undang-undang yang diterima pakai oleh DBKL. **Sebanyak 70 % daripada perbelanjaan mengurus DBKL adalah untuk pelbagai perkhidmatan dan penyelenggaraan** seperti pembersihan dan pengurusan sampah, penyelenggaraan jalan raya, penyelenggaraan perparitan dan sungai, penyelenggaraan kemudahan pusat komuniti, dewan serbaguna dan taman awam, penyelenggaraan perumahan awam dan rakyat serta program dan aktiviti masyarakat. Hanya **30 % sahaja dari Belanja Mengurus untuk perbelanjaan Emolumen.**

Langkah bagi mengurangkan perbelanjaan mengurus DBKL ialah dengan mempertingkatkan kawalan perbelanjaan agar setiap perbelanjaan memberikan impak yang jelas dan maksima dengan **menggunakan Sistem Bajet Ubahan (*Modified Budget System*) mulai bajet tahun 2009.** Sistem ini akan mengambilkira kajian dan tujuan sesuatu program/aktiviti sebelum bajet diluluskan. Penilaian program/aktiviti juga akan dibuat agar kesan yang diperolehi oleh warga kota dapat dipastikan. Dalam masa yang sama, kawalan perbelanjaan tidak akan menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh DBKL kepada warga kota dan pihak berkepentingan di Kuala Lumpur.

SOALAN NO: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA: **TUAN AZAN BIN ISMAIL**
(INDERA MAHKOTA)

PERTANYAAN : **MULUT**

TARIKH : **26.05.2008**

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berapakah jumlah bayaran yang telah dikeluarkan setakat ini untuk sewa/ pajakan kenderaan-kenderaan bagi kegunaan rasmi jabatan-jabatan Kerajaan dan dari syarikat mana sewaan/ pajakan itu dibuat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya menandatangani Perjanjian Konsesi dengan Syarikat Spanco Sdn. Bhd. (SPANCO) bagi membekalkan kereta saloon secara pajakan untuk kegunaan jabatan Kerajaan Persekutuan. Perjanjian Konsesi tersebut adalah bagi tempoh 25 tahun iaitu mulai 1 Januari 1994 sehingga 31 Disember 2018.

2. Jumlah bayaran kos pajakan bergantung kepada bilangan kenderaan yang disewa. Pada tahun 2007, Kerajaan telah menyewa sejumlah 5,890 buah kereta dan membayar sejumlah RM111.8 juta kepada SPANCO bagi pembayaran sewaan dan penyenggaraan. Daripada jumlah tersebut 1,349 buah terdiri daripada Kereta Rasmi Jawatan untuk kegunaan Anggota Pentadbiran Persekutuan dan Pegawai Perkhidmatan Awam yang layak dan 4,541 buah lagi Kereta Jabatan yang digunakan secara guna sama.

SOALAN NO : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MUJAHID BIN HAJI YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
SOALAN	:	

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status projek pembinaan Hospital di Simpang Lima Parit Buntar dan bilakah dijangka siap.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan merancang untuk memulakan pembinaan projek Hospital Parit Buntar yang baru pada tahun 2009 dan pembinaannya dijangka siap pada tahun 2012. Projek ini terbahagi kepada dua fasa di mana Fasa Pertama adalah meliputi kerja-kerja penambakan tanah dan penyediaan tapak hospital seluas 50 ekar manakala pelaksanaan Fasa Kedua pula adalah melibatkan kerja-kerja pembinaan bangunan dan kemudahan hospital tersebut.

Soalan No : 63

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN MUTALIDI BIN JUSOH (DUNGUN)**

TARIKH : **26.5.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN MUTALIDI BIN JUSOH minta Menteri Pelajaran menyatakan berapakah jumlah pelajar yang telah disahkan oleh Kementerian terlibat dalam penyalahgunaan najis dadah pada tahun 2007 mengikut negeri dan daerah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengenal pasti terdapat segelintir murid terlibat dengan penyalagunaan dadah berdasarkan kepada ujian urin yang dilakukan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Bagi tahun 2007, daripada 43,970 sampel murid yang diuji, seramai 117 orang murid dikesan positif. Namun, dapatan ujian tersebut menunjukkan murid yang terlibat adalah di peringkat mencuba.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan murid-murid tersebut dikenalpasti berada di negeri Kelantan, Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Sarawak, Melaka, Pahang, Negeri Sembilan, dan Terengganu.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid, guru, kakitangan dan ibu

bapa agar menjauhi dan berupaya menentang ancaman dadah. Justeru, KPM telah dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif melalui program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa). Antaranya adalah seperti berikut ;

i. Sahabat PPDa;
ii. Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRES);
iii. Nafas Segar;
iv. Kolokium Kepimpinan;
v. Jambori Skim Lencana Anti Dadah;
vi. Tunas PPDa;
vii. Karnival PPDa; dan
viii. Seminar PPDa Tingkatan 6 Rendah.

Usaha-usaha ini juga diharap dapat merealisasikan matlamat Sekolah Bebas Dadah pada tahun 2012.

SOALAN NO: 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ

TARIKH : 26.05.2008

NOMBOR FAIL:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput) minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan berapakah jumlah levi yang dikutip daripada pekerja asing dalam tahun 2007 dan berapakah jumlah kewangan yang diperuntukan kepada Kementerian Kesihatan untuk menampung kos rawatan untuk pekerja asing

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 26.5.2008

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jumlah kutipan levi pekerja asing pada tahun 2007 berjumlah **RM 2,135,877,694.79.** Jumlah ini merangkumi bayaran levi kali pertama serta bayaran levi untuk memperbaharui Pas Lawatan Kerja Sementara tahun kedua dan seterusnya.

Untuk kos rawatan pekerja asing, tiada peruntukan kewangan kepada Kementerian Kesihatan bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, Jumlah perbelanjaan untuk rawatan perubatan dan kesihatan awam bagi tahun 2007 adalah sebanyak **RM 8.33 bilion.** Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan rawatan perubatan dan kesihatan bagi semua golongan pesakit warganegara Malaysia dan warga asing. Caj yang dikenakan kepada pesakit warga asing adalah lebih tinggi daripada caj yang dikenakan kepada warganegara Malaysia. Untuk makluman Yang berhormat, jumlah kutipan yang direkodkan oleh Kementerian Kesihatan bagi pesakit warganegara asing sepanjang tahun 2007 adalah sebanyak **RM 48,632,137.61.**

PM (S) 14881/1 Jld 28 ( ) **SOALAN NO : ~~66~~ 65**

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

TARIKH : 26 Mei 2008

SOALAN :

Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan Jet Eksekutif untuk penggunaan rasmi Kerajaan? Berapakah kos penyelenggaraan setahun dan siapakah yang layak menggunakannya serta tujuan kegunaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan Jet Eksekutif untuk penggunaan rasmi Kerajaan adalah sebanyak **lima (5) buah** yang mana **empat (4) buah pesawat** adalah **dimiliki oleh Kerajaan** dan **sebuah (1) pesawat** lagi **disewa oleh Kerajaan.**

Senarai pesawat yang dimiliki dan disewa oleh Kerajaan dan kos penyelenggaraannya **setahun** adalah seperti berikut:-

BIL	PESAWAT	JENIS MILIKAN	KOS PENYELENGGARAAN SETAHUN
1	Boeing Business Jet BBJ 737	MILIK KERAJAAN	RM4,056,000.00
2	Global Express BD 700	MILIK KERAJAAN	RM3,096,000.00
3	Fokker F28	MILIK KERAJAAN	RM3,284,004.00
4	Falcon DA900	MILIK KERAJAAN	
5	Airbus Corporate Jet A319	DISEWA OLEH KERAJAAN	RM3,507,280.00

Pesawat Jet Eksekutif Kerajaan adalah untuk kegunaan **RASMI** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Y.A.B. Perdana Menteri dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri. Selain itu, pesawat Jet Eksekutif turut digunakan oleh DYMM Sultan-Sultan dan Ketua-Ketua Negara Asing (Tetamu Negara) dengan persetujuan Kerajaan.

SOALAN NO: 66

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA: YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.05.2008

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan bilakah Kerajaan akan mula membina LRT di kawasan Lembah Klang sebagaimana yang dijanjikan oleh Kerajaan pada tahun lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan telah menyediakan perkhidmatan Sistem LRT sejak bulan Disember 1996, di mana Sistem LRT pertama, iaitu LRT STAR (sekarang dikenali sebagai Aliran Ampang), telah mula beroperasi di antara Stesen Sultan Ismail ke Stesen Ampang sepanjang 12 km. Sehingga kini, rangkaian Sistem LRT telah pun diperluaskan dengan jumlah laluan sepanjang 56 km di dalam kawasan Lembah Kelang. Ini terdiri daripada 27 km untuk Aliran Ampang (dulu dikenali sebagai LRT STAR) dan 29 km untuk Aliran Kelana Jaya (dulu dikenali sebagai LRT PUTRA).

Pada mulanya, kedua-dua sistem LRT ini telah dilaksanakan melalui penswastaan oleh syarikat swasta. Walau bagaimanapun, apabila berlakunya krisis kewangan pada tahun 1997 dan seterusnya sehingga tahun 2002, syarikat-syarikat konsesi tersebut telah mengalami masalah kewangan dan Kerajaan telah memutuskan untuk mengambil alih sistem-sistem LRT berkenaan demi kepentingan dan keselamatan awam. Kini, kedua-dua sistem LRT tersebut diusahakan melalui dua syarikat kerajaan iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) sebagai Pemilik Aset (*Asset Owner*) dan Syarikat Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn Bhd (RapidKL) sebagai Pengusaha Aset (*Asset Operator*).

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memantapkan lagi sistem pengangkutan awam di Lembah Kelang. Antara usaha-usaha yang diberi keutamaan pada masa ini ialah cadangan untuk melaksanakan dua laluan LRT sambungan seperti berikut:

1) Sambungan Aliran Kelana Jaya dari Kelana Jaya ke Putra Heights (15km); dan

2) Sambungan Aliran Ampang dari Bukit Jalil ke Putra Heights (15km).

Kini, kerja-kerja untuk memantapkan laluan secara terperinci dan penyediaan pelan dan dokumen berkaitan

sedang dijalankan. Berdasarkan kepada jadual perlaksanaan yang dicadangkan, kerja-kerja pembinaan dirancang untuk bermula pada tahun 2009 dan dijangka akan siap pada tahun 2012.

Memandangkan permintaan bagi sistem LRT Aliran Kelana Jaya amat menggalakkan dan sering sesak dengan penumpang pada waktu puncak, Kerajaan, melalui Prasarana, telah mengambil tindakan untuk menambahkan bilangan kenderaan LRT bagi menampung permintaan tersebut. Bagi tujuan ini, sebanyak 35 set kereta api LRT dengan 4 gerabak setiap set akan ditambahkan untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan sistem berkenaan. Kenderaan LRT baru ini dijangka akan mula beroperasi secara berperingkat mulai September 2009.

Di samping itu, Kerajaan sedang mempergiatkan lagi usaha mengintegrasikan semua mod pengangkutan awam di kawasan Lembah Kelang, di antaranya, melalui perancangan rangkaian dan integrasi sistem tiket bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan satu sistem pengangkutan awam yang cekap dan bersepadu di Lembah Kelang.

NO: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU)**
TARIKH	:	**26.05.2008 (ISNIN)**
SOALAN	:	**67**

DATO' WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU) minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah-langkah dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan penggunaan NGV di kalangan pengguna kenderaan persendirian sebagai usaha memelihara alam sekitar.

JAWAPAN

Pada masa ini, harga NGV ialah 68 sen seliter atau 35.4 peratus lebih murah daripada harga petrol yang dijual di stesen minyak. Keadaan ini berlaku disebabkan Kerajaan tidak menaikkan harga NGV ketika Kerajaan menaikkan harga minyak pada 28 Februari 2006. Ini bagi menggalakkan penggunaan bahan bakar tersebut di kalangan pengguna kenderaan persendirian dan kenderaan awam di negara ini.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa insentif bagi menggalakkan penggunaan bahan bakar alternatif tersebut. Sebagai contoh, Kerajaan mengecualikan cukai import dan cukai jualan ke atas *conversion kit, gas cylinder, chasis* dan enjin lori yang menggunakan NGV. Cukai jalan juga diberi potongan sebanyak 25 peratus bagi kenderaan yang menggunakan *bi-fuel / dual fuel* dan 50 peratus untuk monogas.

Dalam usaha untuk menggalak dan memperluaskan kemudahan penggunaan NGV, maka Kerajaan telah mengarahkan Petronas membina 200 Stesen NGV menjelang penghujung tahun 2008. Walau bagaimanapun, hanya sebanyak 73 buah stesen NGV telah beroperasi dan 2 buah stesen dijangka siap dalam bulan Mei 2008. Manakala sebanyak 25 buah stesen NGV dijangka siap menjelang akhir 2008. Baki 100 buah stesen NGV dijangka siap dalam tahun 2009.

Bagi memastikan Petronas dapat mempercepatkan pembinaan 200 stesen minyak yang mempunyai kemudahan NGV, Kementerian telah menubuhkan *one stop agency* yang mana keahliannya terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad dan Petronas Dagangan Berhad. *One stop agency* berperanan bagi membincang dan memantau pembangunan stesen minyak mengikut standard dan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi berkaitan serta mempercepatkan proses sesuatu kelulusan.

SOALAN NO: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN HAJAH NANCY BINTI SHUKRI [BATANG SADONG]**
TARIKH	:	**26 MEI 2008**
RUJUKAN	:	**919**

SOALAN:

Puan Hajah Nancy binti Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keamanan dan keharmonian rakyat yang tinggal di kawasan Bandar. Ini adalah kerana tren jenayah pecah rumah semakin berleluasa. Dari bacaan saya di akhbar tempatan, di Kuching sahaja terdapat purata sebanyak 5 kes pecah rumah tidak termasuk kes ragut yang dilaporkan pada setiap hari.

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan dari Ahli Yang Berhormat Batang Sadong bertarikh 26 Mei 2008 kerana ia mengenai perkara yang sama. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Santubong dan Batang Sadong yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sedar akan peningkatan kadar jenayah di bandar-bandar. Sehubungan dengan itu, Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Memerangi Jenayah yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara bagi menangani masalah ini. Jawatankuasa ini telah berjaya mengawal kadar peningkatan jenayah dengan tindakan-tindakan seperti *Community Policing; Intergrated Policing*; pemasangan CCTV di tempat-tempat yang kerap berlakunya jenayah; mempertingkat operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain; mempertingkat serbuan dan tangkapan serta pembanterasan jenayah terancang / sindiket.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian dan PDRM akan sentiasa meningkatkan usaha-usaha untuk memastikan bahawa keadaan jenayah adalah terkawal serta kadar peningkatannya adalah pada tahap yang terendah.

No: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]**
TARIKH	:	**26 Mei 2008**
SOALAN 69	:	**Dato' Abu Bakar Bin Taib [Langkawi]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berikutan lawatan Perdana Menteri ke Sudan sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi OIC, apakah hasil lawatan tersebut yang berkaitan dengan wilayah Darfur. Apakah tindakan Malaysia selanjutnya di forum-forum antarabangsa seperti OIC, NAM dan PBB.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Langkawi di atas soalan yang dikemukakan.

2. Y.A.B. Perdana Menteri telah membuat lawatan rasmi ke Sudan termasuk Darfur dari 15 hingga 17 April 2007. Susulan kepada lawatan tersebut, Malaysia telah memutuskan untuk memberi bantuan kemanusiaan kepada Sudan. Bantuan yang diminta merangkumi bantuan dalam bidang-bidang perumahan, pembinaan, sekolah dan bekalan air. Dalam hal ini juga, Y.A.B. Perdana Menteri telah melantik Utusan Khas ke Sudan dan melalui dana sebanyak RM3 juta, Malaysia melalui MERCY, sedang mengambil langkah-langkah menghulurkan bantuan Kerajaan Malaysia kepada Sudan dalam projek-projek perkhidmatan kesihatan, bekalan air dan kursus latihan dalam pentadbiran awam.

3. Kerajaan sedang juga berusaha bersama-sama dengan beberapa negara-negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) bagi membantu Sudan. Selaku anggota OIC, Malaysia sentiasa menyokong segala keputusan yang dicapai di dalam resolusi-resolusi yang dipersetujui melalui persidangan-persidangan dan sidang-sidang kemuncak, termasuk dalam menyatakan sokongan untuk mencari penyelesaian terhadap isu Darfur. Malaysia sendiri telah membangkitkan kemungkinan untuk OIC mengadakan Persidangan Negara-negara Penyumbang (*Donors Conference*) bagi negara-negara yang berkemampuan

menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Darfur. Perkara ini masih belum diputuskan oleh Sekretariat OIC.

4. Dari perspektif PBB, Malaysia berpendapat PBB perlu memberi perhatian utama kepada bantuan kemanusiaan di Darfur dan bukan hanya ghairah menangani golongan militia di wilayah tersebut sahaja.

5. Malaysia telah pun menyatakan kesediaannya kepada PBB untuk menghantar satu batalion askar bagi membantu pasukan pengaman *hybrid* PBB dan Kesatuan Afrika yang dinamakan *United Nations – African Union Hybrid Mission in Darfur* (UNAMID). Sehingga kini, Malaysia masih menunggu persetujuan akhir daripada PBB serta Kerajaan Sudan mengenai pembabitan pasukan pengaman Malaysia dalam UNAMID.

6. Malaysia turut terlibat secara aktif semasa pembentangan draf Resolusi mengenai belanjawan UNAMID pada mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Kelima Perhimpunan Agung PBB pada 22 Disember 2007. Draf tersebut telah diluluskan melalui persetujuan sebulat suara.

7. Dari perspektif NAM pula, sokongan Gerakan itu ke atas isu Darfur dapat dilihat melalui penerimaan Dokumen Muktamad Sidang Kemuncak NAM di Havana, Cuba pada September 2006, terutamanya, melalui Perenggan 161, yang disokong oleh Malaysia, yang jelas menunjukkan pendirian tegas NAM dalam soal mempertahankan kedaulatan wilayah Darfur.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT YANG KEDUA BELAS Nu 70
PENGGAL PERTAMA, MESYUARAT PERTAMA
2008

TARIKH: 26 MEI 2008

[70.] PR-1211-L11315

Puan Rosnah binti Adul Rashid Shirlin [Papar] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan

(a) pendirian negara berhubung persahabatan dan hubungan dua hala di antara Malaysia dan Belanda di saat-saat filem bertajuk FITNA yang menghina agama Islam ditayangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Papar di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Filem 'Fitna' telah diterbitkan oleh seorang ahli Parlimen Belanda, Geert Wilders dan disiarkan di laman web pada 27 Mac 2008. Filem 'Fitna' ini mengandungi adegan-adegan berteraskan keganasan yang kononnya dilakukan oleh segelintir ekstremis Islam

bagi mencerminkan pandangan sempit Geert Wilders terhadap Islam yang jelas berunsur provokatif dan mencerminkan kebenciannya terhadap Islam.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Sebelum filem tersebut disiarkan, Kementerian Luar Negeri telah menyampaikan pendirian Kerajaan Malaysia berkenaan perkara ini secara rasmi kepada Duta Besar Belanda ke Malaysia pada 27 Februari 2008. Semasa perjumpaan tersebut adalah ditegaskan bahawa walaupun perlembagaan Belanda menjamin kebebasan bersuara, seharusnya ada had kepada kebebasan untuk seseorang itu. Adalah juga dicadangkan supaya lebih banyak dialog diadakan di antara pelbagai agama bagi mewujudkan persefahaman antara Islam dan agama lain di Belanda.

4. Pada 28 Mac 2008, Kementerian Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan akhbar mengutuk keras tindakan penayangan filem 'Fitna' yang tidak sensitif kepada masyarakat Islam. Seterusnya Malaysia telah meminta Kerajaan Belanda untuk mengambil tindakan ke atas tingkah laku Wilders yang tidak langsung menghormati agama lain serta memperbetulkan kembali keadaan. Selepas filem tersebut disiarkan, Perdana Menteri Belanda dalam kenyataannya pada 27 Mac 2008 telah menyatakan bahawa tindakan Wilders tidak mencerminkan pendirian Kerajaan Belanda dan kebebasan bersuara tidak bermakna seseorang itu boleh lari dari tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Saya ingin memaklumkan bahawa hubungan dua hala di antara Malaysia dan Belanda adalah baik dan mesra. Negara Belanda merupakan rakan dagangan kedua terbesar di kalangan negara-negara Eropah. Hubungan dua hala di antara Malaysia dan Belanda tidak terganggu akibat filem tersebut yang diterbitkan oleh seorang yang tidak bertanggungjawab.

Terima kasih.